



Ribut: Kerajaan Negeri hulus bantuan segera

MUKA 2

MB: Bincang lebih teliti enakmen Islam

MUKA 4

Demo pro-demokrasi jejas ekonomi Hong Kong

MUKA 10

Jangkitan HIV bukan penamat riwayat

MUKA 15

RMK12 tumpu lima industri utama

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bakal memberi perhatian terhadap proses pendigitalan dan perhubungan lancar lima industri utama membabitkan aeroangkasa, jentera dan peralatan, elektrik dan elektronik, alatan perubatan serta bioteknologi dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata Kerajaan Persekutuan wajar meneliti suntikan dana bersesuaian untuk industri teknologi tinggi itu bagi kemampuhan Selangor dalam jangka masa panjang.

Katanya, antara langkah yang boleh diambil bagi mencapai hasrat untuk menjadi negeri utama dalam jangka masa pendek adalah dengan meningkatkan capaian internet berkapasiti tinggi.

"Selangor antara negeri dengan jaringan internet paling meluas iaitu 89.2 peratus, namun jaringan wayar tembaga perlu ditukar ke gentian optik dalam usaha mencapai 100 peratus.

"Penekanan perlu diberikan di Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor kerana belum mempunyai capaian internet berkelajuan tinggi," katanya pada ucapan alu-aluan ketika Sesi Libat Urus penyediaan RMK12, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bersama Kerajaan Selangor, di Hotel Concorde, di sini, baru-baru ini.

Amirudin berkata, Kerajaan Negeri juga memerlukan penyelesaian tuntas berhubung masalah air di Selangor supaya rizab margin meningkat daripada empat peratus kepada 15 peratus.

"Ini membabitkan pembinaan kapasiti yang dapat dilakukan di kawasan baharu seperti Aeropolis City, Sepang dan Pulau Indah termasuk pengkalan operasi syarikat GEESM di Gugusan Industri Aeropolis serta Aeroangkasa Subang yang memerlukan campur tangan Persekutuan untuk diselesaikan segera," katanya.

Pada masa sama, katanya, pembangunan semula Pelabuhan Utara, Selatan dan Barat sebagai 'Bandar Pelabuhan' (Port City) berpotensi menjana pendapatan ekonomi termasuk penggantian paip Pulau Indah Industrial Park yang dianggarkan sebanyak RM200 juta.

"Tumpuan turut diberi dalam aspek keselamatan dan kesejahteraan warga Selangor dengan menambah anggota polis bantuan serta pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan panas.

"Pentadbiran ini berhasrat untuk mencapai sasaran satu anggota polis untuk setiap 5,000 hingga 10,000 populasi berbanding ketika ini hanya 13,537 anggota," katanya.

Selain itu, Amirudin berkata, Selangor juga mahu peruntukan baharu bagi kerja pembinaan 14 sekolah dan menaiktaraf infrastruktur dewan sekolah yang bakal memanfaatkan 7.2 juta penduduk Selangor, menjelang 2025.

"Diharapkan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dapat memberikan perhatian terhadap perkara ini," katanya.



Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, meneliti kerosakan rumah mangsa, Md Kamil Idris, 61, akibat ribut di kawasan Teluk Pulai, Sabak Bernam, pada 10 Ogos lalu. Foto Asri Sapfie

Atasi kerosakan seawal tiga minggu

SHAH ALAM - Bantuan ke lokasi dilanda ribut di Sabak Bernam lewat kerana ia membabitkan banyak kediaman dan kos yang besar, kata Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari.

Bagaimanapun, katanya, Kerajaan Negeri tekad menyelesaikan isu terbabit sebaik mungkin bagi memastikan semua nasib mangsa bencana terbela.

"Memang bantuan lambat kerana ia membabitkan (banyak) rumah. Kalau hanya mahukan skor politik, kita boleh berikan sekampit beras tapi itu tidak selesaikan masalah.

"Kita ingin selesaikan masalah

utama seperti yang dilakukan ketika insiden ribut di FELDA Soeharto, Gombak dan Tanjung Karang. Ia berjaya diselesaikan tetapi mengambil masa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Sesi Kedua Dialog Bajet 2020 di Hotel Concorde di sini, pada 13 Ogos lalu.

Katanya, kerosakan besar yang berlaku akibat ribut itu dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh tiga minggu atau sebulan setengah.

"Ribut adalah bencana alam dan apa yang penting dalam pengurusan bencana adalah penyelarasan. Se-

panjang lebih ke hadapan berbanding negeri lain kerana mempunyai unit dan pegawai khas dalam pengurusan bencana.

"Kita sedia terima kritikan dan memperbaikinya. Bagaimanapun, simpatilah dengan pegawai kita sebab ribut berkenaan membabitkan lebih 500 rumah," katanya.

Pada 10 Ogos lalu, Amirudin ketika melawat mangsa ribut memaklumkan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sabak Bernam akan memberikan bantuan awal sebanyak RM500 kepada setiap keluarga terjejas.



Ribut Sabak Bernam

Kerajaan Negeri hulur bantuan segera

OLEH NORHAYATI UMOR

SABAK BERNAM - Nasib mangsa ribut membabitkan 508 rumah di beberapa kawasan dekat Sabak Bernam, di sini, mendapat perhatian segera Kerajaan Negeri.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata Kerajaan Negeri melalui pejabat daerah dan tanah mengeluarkan bantuan kewangan segera berjumlah RM500 bagi sebuah rumah.

Katanya, bantuan baik pulih rumah juga akan diberikan selepas laporan penilaian kerosakan rumah dibentang, pada 15 Ogos lalu.

"Melalui pengalaman menyalurkan bantuan kerosakan rumah akibat ribut sebelum ini, kebiasaannya paling cepat seminggu.

"Laporan ini akan diserahkan kepada saya Khamis (15 Ogos) untuk diluluskan bantuan dan sokongan kepada mangsa," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Desa Kasih, di sini.

Amirudin berkata, bantuan baik pulih rumah itu nanti akan diberikan mengikut kerosakan iaitu kecil, sederhana dan kritikal.

Beliau percaya, kejadian ribut di kawasan itu mempunyai kaitan dengan Taufan Lekima yang melanda Taiwan dan timur China berikutan kawasan itu berdekatan dengan laut.

Pada masa sama, Amirudin menolak tuduhan tidak berasas UMNO Selangor yang mendakwa Kerajaan Negeri lambat menghulurkan bantuan.

Sebaliknya, beliau berkata, Kerajaan Negeri sudah mengaktifkan Jawatankuasa Bencana Daerah pada 9



Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, menyerahkan sumbangan makanan kepada mangsa ribut, di Pusat Pemindahan Desa Kasih, Sabak Bernam, pada 10 Ogos lalu

Ogos lalu bagi membantu mangsa ribut.

"Mereka boleh kata apa juga tetapi kita mempunyai pengalaman dan sudah bergerak sejak awal. Sebelum ini, masa mereka jadi kerajaan, mereka juga tidak memberi bantuan ketika itu," katanya.

Terdahulu, hujan lebat dan angin kencang membadai beberapa tempat

di Sabak Bernam, awal pagi 10 Ogos lalu.

Kejadian berlaku jam 1.15 pagi itu mengakibatkan beberapa kediaman penduduk dan premis perniagaan terjejas antaranya di Sungai Air Tawar, Parit Baru, Sungai Lang, Teluk Rhu, Bagan Nakhoda Omar, Tebuk Pulau, Sungai Besar dan Sekinchan.

Lebih 80 rumah rosak teruk akibat ribut berkenaan.

Sambut Aidiladha di pusat pemindahan

SABAK BERNAM - Hasrat untuk menyambut Hari Raya Aidiladha bersama keluarga musnah apabila rumah penduduk rosak teruk berikutan ribut yang berlaku, di sini, malam 9 Ogos lalu.

Mangsa ribut, Zailah Rahmat, 52, (**gambar**) menyifatkan kejadian itu sebagai luar biasa dan kali pertama berlaku sejak 22 tahun beliau menetap di Kampung Desa Kasih, di sini.

Katanya, ketika kejadian itu, dia bersama 14 lagi ahli keluarga yang terdiri daripada suami, anak dan cucu sedang nyenyak tidur.

"Saya terkejut selepas bunyi bumbung rumah tercabut dan hujan sangat lebat. Lebih merisaukan adalah keadaan anak saya yang sedang berpantang 10 hari.

"Tanpa berfikir, saya mengejutkan semua anak dan cucu untuk terus keluar ke bahagian belakang rumah.

"Disebabkan itu, cucu saya luka pada bahagian muka akibat terkena kayu ketika kami tarik dia," katanya kepada SelangorKini ketika ditemui di pusat pemindahan mangsa ribut Desa Kasih, di sini, pada 10 Ogos lalu.

Zailah berkata, berikutan rasa takut yang mendalam, suaminya sempat melaungkan azan ketika keluarganya berlindung menyelamatkan diri.

"Memang takut sangat ketika itu, pelbagai benda bermain dalam fikiran ketika itu. Walaupun berlaku sebelum menyambut Hari Raya Aidiladha, namun saya bersyukur kerana tiada sebarang kemalangan jiwa dan saya reda dengan nasib yang menimpa kami," katanya.

Pusat pemindahan itu menempatkan Zailah bersama 14 ahli keluarganya sahaja, manakala mangsa lain difahamkan menumpang di rumah saudara mara.

Dalam kejadian ribut pada kira-kira jam 1 pagi itu, 508 rumah di Bagan Nakhoda Omar, Sabak, Pancang Bedena, Sungai Panjang dan Pasir Panjang rosak teruk.

Kejadian ribut yang membadai beberapa kawasan di Sabak Bernam dan Kuala Selangor pada tengah malam hingga awal pagi 10 Ogos lalu berkemungkinan ada kaitan dengan Taufan Lekima yang melanda Taiwan dan timur China.



Galak budaya memberi, bantu insan memerlukan

GOMBAK - Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, meminta orang ramai supaya mengamalkan budaya memberi bagi membantu sesama insan terutama golongan memerlukan.

Katanya, beliau percaya dalam rezeki seseorang itu terdapat juga rezeki orang lain, malahan ganjaran pahala yang bakal diterima juga berbaloi.

"Melalui program yang dilaksanakan (11 Ogos), kita amat menggalakkan budaya memberi diperluaskan, sekali gus membantu golongan kurang berkemampuan.

"Saya percaya inisiatif Kerajaan Negeri berkongsi kekayaan ini selaras dengan gagasan #MajuBersama iaitu tidak meminggirkan sesiapa," katanya ketika berucap selepas melakukan lawatan Ziarah Korban Surau Al-Hijrah, Kampung Sungai Tua, di sini, pada 11 Ogos lalu.

Sambutan Hari Raya Aidiladha di De-

wan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua berlangsung meriah dengan disertai pelbagai lapisan masyarakat.

Amirudin yang juga Ahli Dewan Negeri Sungai Tua turut meluangkan masa meninjau sendiri program korban dilaksanakan.

Antara tempat yang dilawati ialah Surau Nurul Muttaqi, Apartmen Seri Cempaka; Surau Nurul Falah, Putri Laksamana; Surau Al Ehsan, Apartment Laksamana Jaya B, Surau Nurul Muttaqi, Apartment Cempaka, Surau Sururul Muttaqi, Kampung Boyan dan Surau Al-Hijrah Kampung Sungai Tua.

Sebelum itu, Amirudin turut berkesempatan menunaikan solat sunat Aidiladha bersama Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin serta rakyat, di Masjid Negeri.



Amirudin Shari beramah mesra bersama kakitangan Surau Al-Hijrah ketika Program Sumbangan Lembu Korban, di Gombak, pada 11 Ogos lalu

Aspek penting jamin kehidupan lebih baik

Korbankan ego, penting diri demi keharmonian

OLEH NAZLI IBRAHIM

GOMBAK - Semua pihak perlu mengorbankan perasaan penting diri dan ego supaya dapat melahirkan masyarakat yang saling memahami serta harmoni.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata pengorbanan melawan nafsu juga adalah aspek penting bagi menjamin kehidupan dan masyarakat yang lebih baik.

"Dalam hidup, kita perlu sentiasa berkorban dan pengorbanan itu sememangnya dilakukan atas dasar keikhlasan serta tanda ketiaan kepada Allah.

"Pengorbanan itu jika dilakukan dengan ikhlas, walaupun kecil akan memberi kesan besar kepada dalam diri kita dan semua orang di sekeliling," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Program Sumbangan Lembu, Ziarah Korban dan Majlis Kenduri Rakyat Di DUN Sungai Tua di per-

karangan Surau Nurul Muttaqi, Apartmen Seri Cempaka, di sini, pada 11 Ogos lalu.

Katanya, kerjasama semua lapisan masyarakat bagi melaksanakan sesuatu agenda adalah aset penting dalam membangunkan sesebuah negara.

Sambutan Hari Raya Aidiladha disambut meriah oleh masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua apabila disertai pelbagai lapisan masyarakat setempat.

Amirudin yang juga Ahli Dewan Negeri DUN terbabit turut meluangkan masa meninjau sendiri program korban dilaksanakan.

Antara tempat yang dilawati ialah Surau Nurul Muttaqi, Apartmen Seri Cempaka; Surau Nurul Falah, Putri Laksamana; Surau Al Ehsan, Apartment Laksamana Jaya B, Surau Nurul Muttaqi, Apartment Cempaka, Surau Sururul Muttaqi, Kampung Boyan dan Surau Al-Hijrah Kampung Sungai Tua.



Dato' Menteri Besar Amirudin Shari (kiri) dan Menteri Pengangkutan Anthony Loke menyaksikan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad (tengah) melancarkan buku edisi mewah 'Up Up and Ahead' pada majlis 'KLIA turns 21: A precious legacy' di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 13 Ogos 2019

Terus kongsi kekayaan bersama rakyat DUN Sungai Tua terima sumbangan 15 lembu



SHAH ALAM - Sesi Libat Urus Penyediaan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) yang diteruskan ke Selangor bakal menjamin kesejahteraan berterusan buat rakyat negeri itu selaras dengan agenda 'Selangor Maju Bersama'.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata agenda 'Selangor Maju Bersama' berteraskan kesedaran bahawa kemewahan ekonomi yang dinikmati negeri itu wajar dikongsi untuk semua penduduknya.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri berazam untuk memastikan tidak ada sesiapa yang tercicir daripada arus pembangunan di Selangor.

"Selain inisiatif kebajikan, kita yakin perkongsian kekayaan negeri juga akan lebih berkesan menerusi dasar yang menumpukan kepada usaha pemberdayaan rakyat," katanya.

Amirudin berkata demikian pada ucapan alu-aluan Sesi Libat Urus penyediaan RMK12, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bersama Kerajaan Selangor di Hotel Concorde, di sini, pada 9 Ogos lalu.

Majlis berkenaan dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, yang turut dihadiri kira-kira 100 kakitangan awam termasuk kalangan EXCO.

Amirudin berkata, menerusi sesi itu juga, pentadbiran negeri banyak merancang langkah untuk mendekati masyarakat bagi mendengar idea mereka dalam membangunkan negeri berkenaan.

"Banyak masa yang diluangkan dalam sesi ini bertujuan untuk merumuskan tawaran terbaik buat rakyat Selangor.

"Pemberdayaan rakyat mis-

alnya, mampu meningkatkan kemahiran pekerja di negeri ini daripada aras kemahiran sederhana kepada aras kemahiran tinggi. Kelebihan itu bukan sahaja akan mengekalkan Selangor sebagai negeri termaju di negara ini, bahkan akan terus menjadi pemacu utama ekonomi Malaysia," katanya.

Pada masa sama, Amirudin berkata, Kerajaan Negeri yakin impian Selangor untuk menjadi pemain utama serantau akan menjadi kenyataan dengan sokongan Kerajaan Persekutuan.

"Tetapi kita tidak mahu menjadi sekadar jaguh kampung dan wajar untuk kita bersaing dengan negeri, wilayah atau kota besar lain seperti Singapura, Manila, Bangkok dan Jakarta.

GOMBAK - Sambutan Aidiladha bagi penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua lebih bermakna apabila Kerajaan Negeri menyumbangkan 15 lembu untuk dikorbankan.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata sumbangan Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) itu tertumpu kepada kawasan perumahan kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di situ.

"Seperti biasa, sejak 10 tahun lalu saya pergi ke kawasan penduduk setempat dengan tumpuan diberikan kepada kawasan yang menerima sumbangan lembu.

"Hari ini kebanyakan diberikan kepada PPR dan kawasan perumahan kos rendah supaya mereka yang berpendapatan rendah dapat menjalankan ibadah korban dan daging diagihkan kepada penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Program Sumbangan Lembu, Ziarah Korban dan Majlis Kenduri Rakyat DUN Sungai Tua di perkarangan Surau Nurul Muttaqi, Apartmen Seri Cempaka, di sini, pada 11 Ogos lalu.

Antara kawasan yang dilawati ialah Surau Nurul Falah, Putri Laksamana; Surau Al Ehsan, Apartment Laksamana Jaya B

Hari ini kebanyakan diberikan kepada PPR dan kawasan perumahan kos rendah supaya mereka yang berpendapatan rendah dapat menjalankan ibadah korban dan daging diagihkan kepada penduduk

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

dan Surau Nurul Muttaqi, Apartment Cempaka.

Program itu bersambung pada sebelah petang membabitkan beberapa kawasan perumahan lain.

Amirudin yang juga Ahli Dewan Negeri Sungai Tua turut meluangkan masa beramah mesra dengan penduduk setempat.

Selain melakukan ziarah korban, Amirudin juga berkesempatan melawat Kebun Komuniti Kampung Laksamana yang diuruskan Jawatankuasa Penduduk Zon 7.



Sultan Sharafuddin berkenan menerima menghadap EXCO



SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan menerima menghadap empat EXCO Kerajaan Negeri, di Istana Bukit Kayangan, di sini, pada 8 Ogos lalu.

Pejabat Istana Selangor dalam kenyataan, berkata mereka ialah EXCO Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Industri Kecil dan Sederhana, Dato' Teng Chang Khim dan EXCO Pemberdayaan, Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin, V Ganabatirau.

Turut menghadap EXCO Alam Seki-

tar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian juga EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han.

"Terdahulu, baginda menerima permohonan untuk menghadap daripada Chang Khim, pada 25 Julai lalu.

"Namun, baginda hanya memberi perkenan untuk mereka menghadap sebaik sesi sidang Dewan Undangan Negeri selesai," kata kenyataan itu yang disiarkan di Facebook Selangor Royal Office.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor

Bakal bincang lebih terperinci

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) akan dibincangkan secara lebih terperinci terutama berkaitan penafsiran membabitkan Perlembagaan Persekutuan.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata beliau akan membuat rundingan semula dengan semua parti termasuk barisan kepimpinan Selangor dan di peringkat Persekutuan.

Katanya, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah juga sedang meneliti semula enakmen terbabit.

"Saya harus merujuk kembali dengan DYMM Sultan Selangor berkenaan perkara ini selepas rundingan dengan semua parti dan pimpinan di Selangor serta Persekutuan diadakan.

"Memang kelaziman DYMM Sultan Selangor akan mengkaji semula dan melihat daripada segenap aspek serta mendengar segala pandangan semua pihak kerana itu yang dipraktikkan se-

lum ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha di Kediaman Rasmi Dato' Menteri Besar, di sini, pada 12 Ogos lalu.

Mengulas berkenaan enakmen untuk kebenaran menukar agama sebelah pihak sama ibu atau bapa dalam Perlembagaan, Amirudin berkata, ia adalah perdebatan perundangan dan kerangka itu perlu dilihat secara keseluruhan.

"Kita akan melihat beberapa pandangan dan kerangka itu secara keseluruhan kerana ia bukan hanya soal ibu bapa, namun semangat yang ada dalam Perlembagaan serta niat terhadap pindaan itu.

"Bagi saya ada baiknya perkara itu tidak dibawa dahulu dalam persidangan dan beri ruang untuk ia dibincang secara lebih terperinci, kita akan tuntas dengan DYMM Tuanku nanti," katanya.

Pada masa sama, katanya, beliau akan berjumpa semula dengan empat EXCO Kerajaan Negeri yang menghadap DYMM Sultan Sharafuddin, pada 8 Ogos lalu.



Amirudin Shari (tengah) beramah mesra bersama tetamu yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidiladha di Kediaman Rasmi Menteri Besar, pada 12 Ogos lalu

"Saya akan berjumpa dengan keempat-empat EXCO ini bagi mendapatkan penjelasan memandangkan saya tidak terbabit ketika sesi menghadap lalu," katanya.

Terdahulu, wujud kekecohan segelintir pihak berkenaan pindaan enakmen yang merujuk kepada kebenaran penukaran agama Islam secara sebelah pihak, di Dewan Negeri Selangor (DNS).

Namun, cadangan pindaan enakmen berkaitan penukaran agama anak di bawah umur itu akan dibawa semula ke persidangan DNS akan datang jika dilihat ada kepentingan.

SELANGOR

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT Lembaga Editorial CCSB

PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar

PENGARANG Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Teon Eg

WARTAWAN

Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umor hayati@mediaselangor.com,

Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com

Nadiah Zamli sitinadiah@mediaselangor.com

Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

REKA LETAK Azwa, Nor Azarina, Farah Azila, Zul Albani

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN

Nadhras Azlan nadhras@mediaselangor.com

Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Cubaan gugat PAKATAN negeri sia-sia

SHAH ALAM - Percubaan memecah-belahkan muafakat kepimpinan Pakatan Harapan (PAKATAN) disifatkan kerana 'iri hati' terhadap pencapaian cemerlang pentadbiran Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari.

Ketua Wanita KEADILAN Selangor, Dr Daroyah Alwi, berkata tindakan propaganda yang dicitak pihak tertentu perlu dihentikan segera kerana ia sia-sia dan tidak mendatangkan hasil.

"Selangor adalah penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nasional dengan nilai RM91.2 bilion atau 23.7 peratus, pada 2018.

"Segala khabar angin yang dimainkan tidak memberi ke-

san, malahan ia menguatkan lagi permuafakatan kerajaan untuk terus tekad memberi fokus membangunkan agenda Selangor sebagai negeri pintar, menjelang 2025," katanya dalam kenyataan.

Dr Daroyah berkata, kepimpinan Amirudin akan terus diyakini dan mendapat sokongan penuh bukan sahaja daripada PAKATAN negeri, malahan juga pembangkang.

"Wanita KEADILAN Selangor tekad akan terus bersama-sama Dato' Menteri Besar memajukan negeri ini, seiring dan sedarap memberi khidmat serta keutamaan kepada rakyat.

"Kebelakangan ini, banyak

kedengaran khabar angin yang bertujuan mengganggu kestabilan pentadbiran Selangor, termasuk pertukaran Dato' Menteri Besar dan pemecatan Speaker Dewan Negeri Selangor.

"Malah, majlis pertemuan bersama Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, pada sesi Libat Urus Penyediaan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) juga dijadikan isu," katanya.

Pada masa sama, katanya, Wanita KEADILAN menyokong penuh usaha giat Amirudin dan Mohamed Azmin serta pimpinan lain yang bekerja keras dalam mengangkat ekonomi juga martabat rakyat.

Turut berangkat Raja Muda Selangor

Sultan Sharafuddin tunai solat sunat Aidiladha

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, berkenan berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha bersama rakyat di Masjid Negeri, pada 11 Ogos lalu.

Baginda yang diiringi Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, tiba pada kira-kira jam 8 pagi.

Turut berangkat Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah dan kerabat diraja lain.

Sebaik selesai solat dan khutbah, baginda turut mengambil kesempatan bersalaman dengan rakyat sebelum berangkat ke tapak penyembelihan untuk menyerahkan lembu korban.

Proses penyembelihan disempurnakan Imam Besar Masjid Negeri, Muhammad Farhan Wijaya.

Sementara itu, khutbah bertajuk 'Ibadah Korban dan Haji Lambang Pengabdian Sejati' disampaikan Mufti Selangor, Dato' Setia Mohd Tamyas Abd Wahid.

Dalam khutbahnya, beliau mengingatkan umat Islam untuk memperkukuhkan ekonomi masing-masing dengan berusaha lebih gigih supaya dihormati.

"Antara roh ibadah haji dan korban yang perlu kita hayati juga ialah berusaha memperoleh harta yang lebih dengan pekerjaan halal.

"Jika semangat ini dihayati oleh umat Islam, sudah pasti mereka tidak menjadi bangsa yang miskin, mundur dan lemah, bahkan akan muncul sebagai umat yang mulia dan dihormati.

"Ibadah haji juga mengajak umat Islam supaya menghayati semangat kesatuan berteraskan ketauhidan kepada Allah SWT, mengelak perpecahan walaupun berbeza bangsa dan warna kulit," katanya.



Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menunaikan solat Sunat Aidiladha di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, pada 11 Ogos lalu

Agong, Sultan Selangor solat Jumaat di Masjid Negeri

SHAH ALAM - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, berkenan mencemar duli berangkat ke Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, untuk menunaikan solat Jumaat, pada 9 Ogos lalu.

Keberangkatan tiba baginda pada jam 1 tengah hari disambut Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Turut menyambut ketibaan baginda, Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya dan Dato' Mufti Selangor, Dato' Seri Utama Mohd Tamyas Abd Wahid

Baginda kemudian bersalaman dengan barisan kepimpinan kerajaan, Ahli Dewan Negeri dan ketua jabatan Kerajaan Negeri.

Sementara itu, Khutbah Jumaat bertajuk 'Raja Berdaulat Sejahtera Rakyat' yang dibacakan oleh Imam Besar, Muhammad Farhan Wijaya, mengingatkan jemaah supaya memberikan taat dan setia yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan negara.

Dalam khutbah itu juga, semua



rakyat diingatkan supaya sentiasa bersikap baik sangka, hormat menghormati sama ada melalui pertuturan atau perbuatan bagi menjamin kesejahteraan ummah.

"Sesungguhnya hubungan erat antara raja dan rakyat atau pemimpin dengan yang dipimpin bukan sesuatu yang luar biasa. Malah, ia adalah amalan yang sudah sekian lama berlangsung, sama ada dalam tradisi kepimpinan Islam atau dalam Kesultanan Melayu dahulu.

"Oleh itu, budaya ini sewajarnya terus diamal dan dipertahankan demi memulihara agama, bangsa dan negara.

"Seri Paduka Baginda Yang

di-Pertuan Agong bertitah ketika pertabalan baginda baru-baru ini, supaya semua pihak jangan sekali mencetuskan api permusuhan dengan membangkitkan perkara yang boleh menggugat dan meruntuhkan keharmonian negara.

"Gejala fitnah yang membawa perbalahan akan menjadi bertambah buruk jika tidak dibendung dan dikawal boleh membangkitkan keresahan dalam kalangan masyarakat serta menimbulkan perpecahan. Tindakan buruk ini termasuk salah satu daripada perbuatan dosa besar yang akan mendapat ancaman seksa berat di hari akhirat kelak," katanya.



Al-Sultan Abdullah penuh persilaan santapan tengah hari

SHAH ALAM - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, berkenan berangkat ke Istana Bukit Kayangan bagi memenuhi persilaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk menikmati santapan tengah hari.

Baginda tiba di Istana Kayangan pada jam 2.30 petang dan turut berkenan bersalam dengan Ahli Dewan Diraja Negeri Selangor.

Sultan Sharafuddin kemudian mengiringi Al-Sultan Abdullah ke bilik mengadap dan turut mengiringi Yang di-Pertuan Agong ia-

lah Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Yang di-Pertuan Agong turut berkenan menurunkan tanda-tangan pada koleksi setem dan sampul hari pertama sempena pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 milik Sultan Sharafuddin.

Baginda kemudian berkenan menerima dan menghadiankan cenderamata kepada Sultan Sharafuddin sebelum berangkat ke bilik santapan.

Yang di-Pertuan Agong berangkat meninggalkan Istana Bukit Kayangan pada jam 3.55 petang.



OLEH NORHAYATI UMOR

Pemantauan dan penguatkuasaan berterusan

Selangor tidak kompromi isu alam sekitar

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan memastikan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) memantau keadaan serta aktiviti kilang bateri di Jenjarom yang diberikan lesen beroperasi sementara secara ketat.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dalam isu pencemaran alam sekitar atau pihak tidak mematuhi piawaian dan peraturan sedia ada.

"Kerajaan Negeri sentiasa menghormati hak perhimpunan dan bersuara oleh rakyat serta bersedia mendengar juga berbincang dengan semua pihak dalam hal pembangunan.

"Bagaimanapun, dalam isu kilang bateri ini, penduduk juga diminta bersabar sementara menunggu hasil kajian dan keputusan pihak berkuasa negeri," katanya dalam kenyataan.

Loy Sian menegaskan bahawa, Kerajaan Negeri juga sedang mengambil tindakan sewajarnya mengikut undang-undang.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa prihatin terhadap masalah

pencemaran alam sekitar yang memudaratkan kesihatan dan kesejahteraan, namun prinsip keadilan kepada pihak terbabit juga perlu dipertahankan.

"Kerajaan Negeri juga akan bertindak adil kepada semua pihak berkepentingan termasuk pelabur jika mereka mematuhi dan melakukan permohonan di bawah segala syarat serta peraturan ditetapkan," katanya.

Pada masa sama, beliau memaklumkan, Kerajaan Negeri sudah membuat beberapa siasatan dan kajian ke atas kemungkinan pencemaran terhadap air, udara serta tanah berikutan aktiviti kilang itu yang membawa kesan negatif ke atas alam sekitar juga kesihatan penduduk.

Katanya, MDKL juga diarahkan untuk menyelaraskan dan mengetahui tindakan mengumpul semua hasil kajian selewat-lewatnya

pertengahan Ogos ini.

"Hasil kajian dan laporan menyeluruh daripada agensi yang terbabit perlu diserahkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor untuk membuat keputusan pada akhir Ogos ini," katanya.

Terdahulu, MDKL mengeluarkan lesen sementara selama dua bulan kepada sebuah kilang bateri di Jenjarom selepas menerima sokongan JAS Putrajaya.

Sementara itu, kira-kira 100 penduduk mengadakan demonstrasi aman dan mendesak MDKL serta JAS tidak menyambung lesen operasi sementara kilang terbabit.

Mereka mendakwa kilang bateri itu membuang sisa plumbum ke dalam saluran yang bersambung dengan sungai serta menyebabkan pencemaran udara di Jalan Sukepi, di sini.



Guru palsu di media sosial tingkat masalah remaja

AMPANG - Peningkatan masalah gejala sosial dalam kalangan remaja semakin parah berikutan wujudnya lambakan guru palsu di laman media sosial yang menjadi ikutan golongan berkenaan.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim, berkata ia kerana golongan remaja dan belia kini amat mempercayai medium media sosial diikuti mereka sehingga ada yang dipilih untuk menjadi panduan hidup.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya berasa bimbang apabila mendapati laman media yang mempengaruhi golongan remaja itu turut mempunyai ramai guru yang memberi tunjuk ajar berhubung pelbagai topik termasuk topik untuk mendekati dadah.

"Kebimbangan itu jelas apabila kes dadah di kawasan Ampang dan Pandan dilihat agak tinggi. Ia antaranya berpunca daripada penggunaan media sosial yang semakin kerap oleh golongan remaja sehingga mendedahkan mereka kepada perkara tidak baik," katanya.

Ir Izham berkata, sebagai ibu bapa, sudah pasti perkembangan itu menakutkan dan mereka menunggu tindakan segera untuk membendung masalah terbabit.

"Bagi mendekati masalah itu, Kerajaan Negeri mungkin boleh

Kebimbangan itu jelas apabila kes dadah di kawasan Ampang dan Pandan dilihat agak tinggi. Ia antaranya berpunca daripada penggunaan media sosial yang semakin kerap oleh golongan remaja sehingga mendedahkan mereka kepada perkara tidak baik

IZHAM HASHIM
EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani



mengadakan sesi pendengaran awam lebih kerap bagi membolehkan sebarang permasalahan dibangkitkan oleh ibu bapa atau guru," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Sesi Townhall Status Ekonomi Sosio (SES) Peringkat Negeri Selangor, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan Jaya, baru-baru ini.

Hadir sama pada sesi itu kira-kira 200 peserta yang terdiri daripada

guru, ibu bapa dan pelajar.

Ir Izham berkata, fokus utama sesi pendengaran awam itu adalah bagi membantu murid SMK Pandan Jaya yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah terutama golongan B40.

"Pelajar di sini memperoleh tahap pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia agak rendah tetapi sejak tiga tahun kebelakangan ini pencapaian sekolah itu semakin baik," katanya.

Larangan pembakaran terbuka diperketatkan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan mengarahkan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk mengetatkan rondaan serta penguatkuasaan larangan pembakaran terbuka di kawasan Kampung Johan Setia.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian berkata, hal itu bagi mengelakkan keadaan jerebu lebih buruk berlaku di kawasan terbabit.

Katanya, lebih membimbangkan apabila Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Johan Setia berada pada tahap tidak sihat, sejak seminggu lalu.

"Seperti biasa, kita risau kerana kawasan terbabit sering berlaku pembakaran terbuka dan akan mengakibatkan jerebu berpanjangan.

"Oleh itu, bagi mengelakkan ia lebih buruk, larangan pembakaran terbuka akan diperketatkan dengan mengarahkan MPK dan JAS membuat pemantauan lebih ketat," katanya ketika dihubungi SelangorKini.

Loy Sian berkata, masih terdapat petani dan pekebun yang berdegil melakukan pembakaran terbuka.

Pada masa sama, beliau menasihatkan orang ramai yang berada di kawasan kualiti udara tidak sihat supaya mengurangkan aktiviti fizikal yang menyebabkan peningkatan kadar pernafasan dan metabolisme badan.

Oleh itu, bagi mengelakkan ia lebih buruk, larangan pembakaran terbuka akan diperketatkan dengan mengarahkan MPK dan JAS membuat pemantauan lebih ketat

HEE LOY SIAN
EXCO Alam Sekitar

Katanya, orang ramai juga perlu mengurangkan aktiviti di luar bangunan atau menggunakan penutup hidung dan mulut, payung atau topi jika berada di luar rumah.

"Kita juga menyarankan supaya penduduk menutup tingkap rumah bagi mengurangkan asap jerebu masuk ke dalam.

"Mereka juga perlu minum air kosong lebih kerap bagi mengekalkan tahap hidrasi dan mendapatkan rawatan segera jika tidak sihat," katanya.

Media sebelum ini melaporkan negara dijangka dilanda jerebu berikutan kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

Inisiatif KoHijrah memudahkan pungut hasil

Biaya ATV khas untuk peladang

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KoHijrah) memperkenalkan skim pembiayaan terbaharu, kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV) bagi memudahkan peladang memungut hasil tanaman seperti kelapa sawit dan kelapa.

Pengurusnya, Muhammad Syukri Ismail, berkata skim itu membabitkan tiga pakej dengan pembiayaan bermula daripada RM5,500 sehingga RM10,000.

"Tiga pakej ATV yang mampu membawa kapasiti muatan sekitar 350 kilogram pada satu masa ini adalah 125cc (RM5,500), 130cc (RM6,500) dan 200cc (RM8,500).

"Skim ini juga menawarkan jaminan perlindungan kepada enjin ATV selama setahun selain jaminan jika berlaku kehilangan atau kebakaran.

"Perlindungan keselamatan sehingga RM25,000 juga diberikan kepada pengendali jika terbabit dengan kemalangan ketika melakukan aktiviti pertanian.

"Pembelian ATV ini juga tidak

dikenakan sebarang deposit, malah jika peminjam meninggal dunia, pembiayaan akan dihalalkan melalui tabung khairat yang dicarumkan menerusi KoHijrah serta mendapat RM1,500 wang khairat kematian," katanya.

Katanya, KoHijrah ATV juga disertakan dengan pembiayaan mesin cantas kelapa sawit yang dijual di bawah harga pasaran sekitar RM6,000.

Beliau berkata, skim itu turut menyediakan pembiayaan menerusi Agro Bank selain turut menarik minat Koperasi Istiqamah Terengganu Berhad (KITAB) melalui pembiayaan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu.

"Kita menyasarkan pembiayaan 150 unit ATV di Selangor dalam tempoh setahun. Setakat ini, sudah ada 25 permohonan yang kita sedang semak dan jika layak kita akan lakukan majlis penyerahan seterusnya.

"Tempoh pembiayaan di bawah KoHijrah adalah tiga tahun, manakala sehingga lima tahun di bawah Agro Bank," katanya.

Majlis penyerahan ATV pertama itu disempurnakan Pengerusi Eksekutif



Pengurus Eksekutif Hijrah Selangor, Datuk Mansor Othman (kiri), bergambar bersama peserta HIJRAH, Mohammad Azam Sarmin (dua kiri), pada majlis penyerahan ATV di Wisma KoHijrah, Seksyen 32, Shah Alam, 8 Ogos lalu

tif Yayasan Hijrah Selangor, Datuk Mansor Othman, kepada pembeli pertamanya, Mohammad Azam Sarmin, di Wisma KOHIJRAH, Seksyen 32, Shah Alam.

Mohamad Azam, 37, ketika ditemui berkata, jentera seperti itu akan memudahkan kerja memungut buah kelapa di ladang yang diusahakan, sejak setahun lalu.

Yakin lebih banyak pelaburan dari China

KUALA LUMPUR - Invest Selangor Bhd yakin minat pelaburan dari China di Malaysia semakin meningkat pada tahun ini, khususnya di Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Hasan Azhari Idris, berkata hal itu berikutan konflik perdagangan antara China dan Amerika Syarikat (AS).

"China adalah pelabur utama Selangor dengan nilai pelaburan RM3.93 bilion pada 2018, terutama dalam industri pembuatan seperti produk dan kertas logam asas, diikuti Jepun dengan RM435.6 juta dalam industri semikonduktor, automasi kilang, industri automotif dan makanan.

"China mungkin mengekalkan kedudukannya sebagai pelabur teratas (di Selangor) untuk tahun ini dan memindahkan operasi mereka kerana negara itu kini mempunyai pertikaian perdagangan dengan AS," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata demikian di luar sesi taklimat Siri Pelaburan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA): Membuka Potensi Perniagaan Di Negeri oleh agensi Kerajaan Selangor.

Pada tahun ini, Kerajaan Selangor menyasarkan untuk mencapai jumlah keseluruhan pelaburan RM10 bilion.

"Kami berada di landasan betul untuk mencapai sasaran ditetapkan Kerajaan Neg-

eri. Ketika ini, kami hanya mendapat data dikeluarkan MIDA untuk suku pertama 2019 (Januari hingga Mac) dan berdasarkan kepada angka itu, ya, masih banyak lagi perlu dilakukan.

"Tetapi biasanya, kita dapat melihat kenaikan pada separuh kedua, jadi saya percaya kita dapat mencapai sasaran," katanya sambil menambah kerajaan memberi tumpuan kepada lima kluster teknologi tinggi iaitu jentera dan peralatan, pengangkutan dan peralatan, sains hayat, makanan dan minuman, serta elektrik dan elektronik.

Pada masa sama, Hasan Azhari berkata, Invest Selangor memperuntukkan RM10 juta lagi untuk menjalankan program berkaitan pelaburan di Selangor bagi separuh kedua dari Julai hingga Disember ini.

"Peruntukan itu mungkin lebih sedikit kerana ada program tertentu membabitkan kos tinggi.

"Walaupun sebahagian daripada RM7.11 juta untuk tempoh Januari hingga Jun lalu, kesemuanya dibelanjakan untuk pelbagai aktiviti, bukan sahaja membabitkan misi pelaburan perdagangan tetapi semua program berkaitan seperti seminar, dialog, pameran perniagaan dan penerbitan," katanya.

Terdahulu dalam ucapan pembukaan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Arham Abdul Rahman, berkata kerajaan ter-

us menggiatkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan peringkat tinggi dan berkualiti ke semua negeri.

Katanya, ia dilaksanakan melalui pemberian insentif fiskal dan bukan fiskal bagi pelabur asing serta domestik. - BERNAMA

Harga emas semakin mahal

KUALA LUMPUR - Kontrak niaga hadapan emas di Bursa Malaysia Derivatives dibuka tanpa diniagakan pagi 13 Ogos berikutan kekurangan minat belian.

Pada hari berkenaan, kontrak Ogos 2019, September 2019, Oktober 2019 dan November 2019 masing-masing pada RM197.50,

RM193.10, RM194.1 dan RM194.55.

Jumlah dagangan sifar manakala kepentingan terbuka sebanyak 110 kontrak.

Harga emas fizikal meningkat RM2.28 kepada RM197.65 daripada RM195.61 sebelum ini. - BERNAMA

Rumah Berkembar 2 Tingkat
UNIT TERHAD

4+1 Bilik Tidur | Keluasan Binaan **3,485** k.p.s. | Keluasan Tanah **50'x70'**

UNIT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

Global **www.gob.com.my** **03-8945 7878**

Pemaju: Taman Equine (M) Sdn Bhd (240534-A) | No. Lesen Pemaju: 6839-14/03-2020/0227(L) | No. Permit Pengiklanan: 6839-14/03-2020/0227(P) | Tempoh Sah: 07/03/2020 | Pegangan Tanah: Pajakkan 99 hingga 07 Ogos 2115 | Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri | Bebanan Tanah: Ambank (M) Berhad | Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Subang Jaya | No Rujukan: MPSJ/BGN/KW/C-9/74JLD2 | Jangkamasa Stap: Ogos 2020 (Fasa 2) | Rumah Berkembar Dua Tingkat - Jenis S & S1 | Jumlah Unit: 42 unit | Harga: RM1,735,000.00 (Min) RM2,037,000.00 (Maks) Rumah Sebahagian - Jenis A | Jumlah Unit: 1 unit | Harga: RM3,829,000.00 (Min) RM3,829,000.00 (Maks) | Diskaun Bumi: 7%

Disclaimer: The information contained in this advertisement is subject to change and cannot form part of an offer or contract. All renderings are artist's impression only. All measurements are approximate. While every reasonable care has been taken in preparing this advertisement, the developer cannot be held responsible for any inaccuracy. All the above items are subject to variations, modifications and substitutions as may be required by the Authorities or recommended by the Architect or Engineer.



Era baharu Tun Dr Mahathir

Tugas tiga kali lebih berat



KUALA LUMPUR - Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tanggungjawabnya sebagai Perdana Menteri pada masa ini sebagai tiga kali lebih berat berbanding semasa melaksanakan tanggungjawab itu sebelum ini.

Dr Mahathir, yang juga perdana menteri keempat Malaysia pada 1981 hingga 2003,

menjelaskan ketika mengambil alih pemerintahan negara pada ketika itu keadaan pentadbiran dan kewangan negara berada dalam keadaan yang bersih serta teratur, tanpa soal kewangan menjadi masalah.

Negarawan berusia 94 itu sekali lagi dilantik sebagai perdana menteri, selepas Pakatan Harapan (PH)

memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 pada Mei 2018, menyifatkan beliau mengambil alih pemerintahan kali ini dalam keadaan pentadbiran yang 'kotor' serta diburukkan lagi dengan ramai yang terbabit dengan rasuah.

"Kita juga perlu bayar hutang yang dibuat oleh pemerintah terdahulu, sepatutnya (kini) kita

dapat guna wang ini kalau ia (betul) dilabur tetapi wang ini hilang. Jadi, kita terpaksa bayar hutang tetapi sumber asal dana kita sudah hilang. Jadi, ini menjadi satu masalah yang berat untuk kita.

"(Kali ini) Tiga kali lebih berat lagipun usia saya sudah lanjut dan saya perlu kerja seberapa kuat yang boleh kerana saya janji saya akan letak jawatan. Jadi, saya punya masa mungkin tiga tahun, mungkin dua tahun.

"Dalam masa itu, saya perlu habiskan kerja yang memerlukan lapan tahun (ke) 10 tahun, saya kena berlari lebih cepat," katanya dalam satu wawancara bertajuk "Mahathir Bicara Ulama dan Jokowi : Catatan Najwa" bersama personaliti media Indonesia Najwa Shihab, yang dimuat naik menerusi media sosial YouTube.

Dr Mahathir mencipta sejarah menjadi perdana menteri tertua di dunia dengan kembali ke Putrajaya selepas PH yang diterajunya berjaya menewaskan Barisan Nasional (BN), yang sudah 60 tahun menjadi kerajaan Malaysia.

Dalam wawancara itu, perdana menteri diajukan pelbagai soalan yang merangkumi isu pendidikan agama, politik, hal ehwal

antarabangsa dan hubungan Malaysia-Indonesia serta berkenaan kehidupan peribadinya.

Berhubungan isu peralihan kuasa kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bagaimana beliau melihat peranannya terutama dalam hal pentadbiran negara, Dr Mahathir berkata, Anwar mempunyai hak untuk mencorak dasarnya sendiri dan beliau terbuka untuk memberi nasihat serta pendapat jika diperlukan.

"Dia (Anwar) akan jadi perdana menteri terpulang kepada perdana menteri untuk menentukan dasar dia pula. Jika saya ditanya, mungkin saya boleh beri nasihat, pendapat dan sebagainya. Kalau saya ditanya, tetapi saya tidak paksa sesiapa bertanya kepada saya," katanya.

Ditanya pandangannya tentang Presiden Indonesia, Joko Widodo, yang lebih dikenali sebagai Jokowi, Dr Mahathir menyifatkan beliau sebagai seorang pemimpin yang membawa pemikiran baharu.

"Presiden Jokowi sedar tentang keperluan membangunkan Indonesia dan dia memerhatikan tentang bukan sahaja politik tetapi juga pertumbuhan ekonomi," katanya. - BERNAMA

Bersama tangani diskriminasi minyak sawit

KUALA LUMPUR - Indonesia dan Malaysia, dua negara pengeluar minyak sawit terbesar dunia perlu memperbanyakkan usaha untuk bersama menangani diskriminasi terhadap produk itu dalam kalangan negara Kesatuan Eropah (EU).

Ketika membuat penegasan itu, Presiden Indonesia, Joko Widodo, berkata usaha ke arah itu tidak boleh dilakukan secara sendiri oleh negara berkenaan.

Katanya, mendepani cabaran itu secara bersama adalah penting antara lain supaya harga komoditi itu tidak menurun, sekaligus memastikan nasib peladang dan pekerja dalam sektor itu terpelihara.

"Saya tegaskan sekali lagi bahawa Indonesia dan Malaysia harus bersama melawan diskriminasi terhadap minyak sawit," katanya dalam rakaman temubual dengan stesen televisyen Astro Awani di Jakarta baru-baru ini sebelum melakukan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.

Joko Widodo atau lebih dikenali dengan panggilan Jokowi dan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengadakan pertemuan



di Putrajaya pada 9 Ogos lalu yang didahului majlis sambutan rasmi untuk presiden Indonesia itu.

Dalam temubual itu, Jokowi menegaskan kerjasama Indonesia-Malaysia dalam soal minyak sawit perlu bagi mengelak kesulitan buat kedua-dua negara anggota ASEAN itu.

Selain pihak kerajaan, beliau menegaskan langkah menangani diskriminasi itu turut perlu membabitkan pihak swasta kedua-dua negara.

Pada masa sama, Jokowi mahu kerjasama lebih erat dijalin oleh Indonesia dan Malaysia dalam pelbagai sektor seperti ekonomi, pelaburan serta pelancongan.

Contohnya, beliau berkata, kerjasama itu boleh dilakukan syari-

kat minyak dan gas Pertamina serta Petronas yang boleh bergabung kepakaran bagi mewujudkan perusahaan dengan modal juga kapasiti lebih besar selain mampu mencari sumber minyak bersama dan mengeksport produk petroleum ke negara lain.

Jokowi turut melahirkan rasa kagum dengan Dr Mahathir kerana pada usia 94 tahun masih bertenaga dalam menerajui Malaysia.

"Memang saya sangat kagum kerana dalam umur 94 tahun beliau masih sihat, ertinya mempunyai gaya hidup yang baik sehingga masih betul-betul 'fit' dan bekerja untuk rakyat Malaysia pagi sampai malam, pagi sampai malam," katanya. - BERNAMA

Penduduk sedih Nora Anne ditemui mati

NILAI - Penduduk sekitar sebuah resort di Seremban meluahkan rasa sedih dan terkejut dengan penemuan mayat Nora Anne Quoirin, 15, pada hari ke-10 kehilangannya daripada penginapan keluarganya, di situ.

Kebanyakan penduduk tidak menyangka kehilangan misteri Nora Anne berakhir dengan titik hitam dengan kejadian berkenaan.

Mohamad Afendi Azhar, 26, berkata, kejadian orang hilang dan ditemui dengan kematian di kawasan itu adalah kejadian pertama.

Dia dan penduduk kampung sekitar turut cuba mencari gadis Ireland berkenaan selepas hari kedua mangsa dilaporkan hilang.

"Saya sangat sedih dan berempati dengan keluarga mangsa," kata Mohamad Afendi ketika ditemui.

Seorang lagi penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Malik, 28, turut terkejut dengan penemuan mayat Nora Anne kira-kira



2.5 kilometer dari resort didiami keluarganya.

"Kejadian menimpa Nora Anne sukar untuk diterima. Saya sangat sedih dan berempati dengan keluarga mangsa.

Perkara yang menjadi persoalan bagaimana Nora Anne boleh hilang," kata Malik.

Malik berkata, kebanyakan kes orang hilang di kawasan resort itu hanya dalam tempoh beberapa hari sebelum mereka ditemui selamat.

Mohd Raffiq Ismail, 31, yang turut serta dalam operasi mencari Nora Anne berasa terkilan kerana gagal menemui mangsa sebelum dia ditemui meninggal dunia.

"Ketika operasi mencari, kawasan terbabit sudah diteroka tetapi tidak menemui apa-apa. Saya menyertai operasi mencari pada hari ketiga," katanya.

Nora Anne dan keluarganya tiba di Malaysia pada 3 Ogos lalu untuk bercuti, namun dia dikesan hilang pada jam 8 pagi pada 4 Ogos. - BERNAMA



Informasi Terkini di jari anda



MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Selari Gagasan Kemakmuran Bersama

ECRL rapatkan jurang ekonomi

KOTA BHARU - Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dilihat mampu merapatkan jurang ekonomi penduduk terutama negeri yang terbabit dalam jajaran projek itu termasuk Kelantan, kata Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Senator Dr Mohd Radzi Md Jidin.

Beliau berkata, projek berkenaan selari dengan hasrat Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkaitan Gagasan Kemakmuran Bersama yang mahu gabungan infrastruktur terbabit menjadi pemangkin kepada ekonomi masa hadapan.

"Kemakmuran ini bukan sahaja dapat merapatkan jurang ekonomi antara masyarakat dan wilayah, sebaliknya usaha pembangunan ini juga dapat merapatkan jurang ekonomi bandar di Kelantan serta negeri maju lain yang menjadi tumpuan selain untuk kesamarataan.

"Ini antara penekanan diberikan kepada Kelantan, jika kita lihat ketika Perdana Menteri membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 pada Oktober lalu, Kelantan dimasukkan antara enam negeri yang bakal diberi peruntukan pembangunan.

"Ini adalah satu rahmat kepada rakyat Kelantan kerana akan memberi limpahan ekonomi kepada mereka," katanya kepada pemberita pada Majlis Korban Perdana Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Ketereh di Pertubuhan Peladang Sungai Ketereh, di sini, pada 12 Ogos lalu.

Sebanyak 11 lembu dikorbankan pada majlis yang itu dan diagihkan kepada 100 penduduk sekitar dengan setiap mereka memperoleh satu kilogram daging setiap orang.

Pada masa sama, Mohd Radzi yang juga Timbalan Majlis Tindakan Negeri (MTNg) Kelantan berkata, pengumuman Menteri Hal Ehwal Ekonomi, yang juga Pengerusi MTNg Kelantan, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkaitan lima projek diberi keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan pada Mac lalu, turut memberi manfaat kepada rakyat negeri itu.

Beliau berkata, lima projek itu membabitkan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3), pembesaran dan naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, laluan baharu Pasir Puteh-Machang-Jeli, Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai dan Jambatan Palekbang-Kota Bharu.

"Contohnya, bagi projek Jambatan Palekbang di Tumpat yang sekian lama dinantikan rakyat mampu mempercepatkan laluan antara Tumpat ke Kota Bharu ekoran laluan sedia ada yang sesak terutama ketika waktu puncak.

"Begitu juga naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang dijangka dapat mengurangkan kesesakan di lapangan terbang selain pembinaan LPT3 pula dapat memberi kemudahan dan tambahan jaringan jalan raya membabitkan laluan antara Gemuruh, di Kuala Terengganu ke Tumpat," katanya. - BERNAMA

PENAMBAHBAIKAN PROJEK ECRL

China Communications Construction Company Ltd (CCCC) telah bersetuju membayar balik **sebahagian daripada RM3.3 bilion** bayaran pendahuluan untuk Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Fasa 3, Laluan Kembang dan Jajaran Tambahan Utara di bawah kontrak asal.

CCCC akan bayar balik:

- Seminggu dari 12 April 2019: **RM500 juta**
- Sebulan dari 12 April 2019: **RM500 juta**
- Jumlah: **RM1 bilion**

Rakib pembaikan akan diselesaikan dalam tempoh tiga bulan selepas ditolak tuntutan-tuntutan yang bersangkut-paut dengan kerja-kerja yang telah ditamatkan, digantung & pembatalan Jajaran Tambahan Utara.

PERJANJIAN TAMBAHAN (SA) UNTUK MENYAMBUNG ECRL:

Melayia Rail Link Sdn Bhd (MRLSB) dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC) telah menandatangani SA pada 12 April 2019.

Kedua-dua syarikat akan bekerjasama bagi mengurus, memelihara & menyelenggara projek ECRL.

Meliputi kerja-kerja kejuruteraan, pembinaan, pembaikan & pentauliahan (PCC) Fasa 1 & Fasa 2 projek ECRL dengan penganggaran kos **RM44 bilion**.

- Kos asal: **RM45.5 bilion**
- Kos baharu: **RM44 bilion**
- Pengurangan: **RM1.5 bilion (3.2%)**

Terdiri daripada:

- 31 Dis 2026

Penganggaran kos setiap KM:

- Sebelum SA ditandatangani: **RM95.5 juta**
- Setelah SA ditandatangani: **RM93.7 juta**

FAEDAH PERIANIAN BAHARU:

- CCCC akan beri sokongan teknikal & berikhtisari operasi-operasi setelah siapnya projek ECRL.
- Meringankan beban kewangan Malaysia, yang dahulunya terpaksa menanggung beban kewangan pelaksanaan operasi & penyelenggaraan projek tersebut.
- Malaysia berpeluang mempelajari kepakaran operasi & penyelenggaraan CCCC yang sudah tentu akan meringankan daya maju jangka masa panjang projek.
- Pengiliah CCCC akan menggalakkan pelaburan seperti yang dijalankan berkenaan, khususnya dari negara China.
- Meringankan kadar peralihan pengalihan kontraktor tempatan daripada 30% ketika perjanjian asal kepada 40% bagi kerja-kerja sivil.
- ECRL akan melalui 20 stesen dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang & merentasi lima negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertandis empat negeri sebelumnya.
- Menambahbaikkan jaringan prasarana dengan menandatangani perjanjian dengan MRLSB & MRTC SSP Line dengan laluan perhubungan di Putrajaya Sentral untuk ke KLIA & Kuala Lumpur.
- Pengguna ECRL juga boleh melakukan pertukaran tren melalui KTM Komuter & Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) KTM di stesen ECRL, Bangi/Kajang.

KRONOLOGI:

- 21 OKT 2016**: Projek ECRL diluluskan Kabinet ketika pentadbiran Barisan Nasional (BN), baki kos RM45.5 bilion.
- 1 NOV 2016**: CCCC ditugaskan kontrak melaksanakan projek landasan sepanjang 688KM menghubungkan Pelabuhan Klang, Selangor ke Pengkalan Kubor, Kelantan.
- 30 MAR 2019**: Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad umum projek ECRL akan diteruskan apabila rundingan semula dengan China dimuktamadkan.

Sumber: Pejabat Perdana Menteri



Dr M tinjau kawasan ribut

LANGKAWI - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa meninjau keadaan di sepanjang Pantai Tengah di sini yang teruk dibadai ribut dalam kejadian pada 9 Ogos lalu.

Beliau yang mempunyai program padat di Langkawi hari ini memandu sendiri kereta SUV Lexus bersama isteri Tun Dr Siti

Hasmah Mohd Ali melihat sendiri kesan ribut yang masih kelihatan.

Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi meluangkan masa kira-kira 15 minit di lokasi tersebut. Kesan pokok tumbang yang sudah dibersihkan dan kerosakan yang berlaku pada premis perniagaan di ka-

wasan tersebut masih dapat dilihat disepanjang lokasi tersebut.

Dalam kejadian itu, hujan lebat beserta angin yang kencang melanda kawasan itu kira-kira pukul 7.45 malam menyebabkan premis perniagaan, kenderaan telah ditimpa pokok malahan kabel elektrik jatuh di atas jalan raya. - BERNAMA

Larang kenderaan berat musim raya



KUALA LUMPUR - Kerajaan berkemungkinan mempertimbangkan untuk melarang kenderaan berat menggunakan jalan raya pada musim perayaan yang jatuh pada cuti sekolah bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Kamarudin Jaffar, berkata kebiasaannya larangan kepada kenderaan berat hanya dikuatkuasakan ketika Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baharu Cina, setiap tahun.

"Hari raya kali ini bersama cuti sekolah, maka timbul kesesakan di luar dugaan. Mungkin jika hari perayaan bertembung dengan cuti sekolah, maka larangan (menggunakan jalan raya) kepada kender-

aan besar perlu dipertimbangkan, pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Bernama ketika menghadiri Majlis Ibadah Korban dan Aqiqah di Perumahan Polis Desa Tasik, Sungai Besi, di sini, baru-baru ini.

Beliau mengulas kesesakan teruk aliran trafik di beberapa lebuhraya utama ekoran orang ramai pulang ke kampung sempena cuti sekolah dan sambutan Aidiladha.

BERNAMA sebelum ini melaporkan Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur yang menjadi laluan utama dari Pantai Barat ke Pantai Timur dijangka merekodkan 1.65 juta kenderaan sempena cuti Hari Raya Aidiladha. - BERNAMA



Penunjuk perasaan berbaring di Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong pada 13 Ogos 2019 sebagai meneruskan bantahan, sehari selepas ia ditutup kerana protes pro-demokrasi. foto AFP

Demonstrasi besar-besaran anti China

Jejas ekonomi Hong Kong

SHAH ALAM - Gelombang bantahan besar-besaran di Hong Kong yang berlarutan sejak 10 minggu mula membawa kesan ekonomi kepada wilayah China itu.

Hartawan Peter Woo, pemegang saham terbesar pemaju Wheelock & Co yang rugi lebih AS\$1 bilion (RM4.2 bilion), menyeru kepada penunjuk perasaan agar bertenang, lapor Bloomberg.

Beliau mengingatkan mereka, yang kini membangkitkan isu keganasan polis ketika meleraikan

demonstrasi, bahawa tuntutan asal berhubung undang-undang ekstradisi sudah dipenuhi.

Sebuah lagi syarikat pemaju wilayah itu, Sun Hung Kai Properties Ltd yang dikuasai keluarga terkaya turut mengancam keganasan demonstrasi tersebut.

Dua pemaju ini bersuara di saat penunjuk perasaan mula mengganggu lapangan terbang sehingga mengendalakan penerbangan pada 12 dan awal 13 Ogos lepas.

"Sudah tiba masanya untuk ber-

fikir secara mendalam," kata Woo, dengan menambah ada anasir yang "sengaja membuat kacau".

Minggu lepas, Persatuan Pemaju Hartanah Hong Kong mengeluarkan kenyataan mengancam keganasan dan menyeru kepada keamanan.

Demonstrasi itu berlanjutan susulan apabila kerajaan didakwa tidak mengendahkan desakan untuk menubuhkan siasatan khas isu keganasan polis dan membebaskan tahanan.

Peluang rakyat kerja di Turki

KUALA LUMPUR - Sebuah firma di Turki, Mental HR Consultancy, melancarkan projek 'Work4Malaysia' yang akan membuka peluang latihan dan kerjaya dalam pelbagai sektor kepada rakyat Malaysia yang berkelayakan.

Pengarah Pengurusan Bakat syarikat itu, Ugur Karaboga berkata, inisiatif itu dilancar berdasarkan persefahaman dan ilmu pengetahuan antara Malaysia dengan Turki, di samping berkongsi tenaga kerja berkemahiran dimiliki kedua-dua negara Islam yang dihormati itu.

Mengambil saranan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang menyarankan rakyat Malaysia patut ke Turki untuk bekerja

dan menimba pengalaman supaya mereka dapat membantu memajukan negara apabila kembali ke tanah air, Karaboga berkata, beliau nampak potensi kerjasama melalui latihan serta peluang kerjaya kepada belia Malaysia dengan Turki.

"Kami akan memilih calon berdasarkan kelayakan pendidikan mengikut program yang dipohon. Mereka kemudiannya perlu menduduki peperiksaan yang akan menilai keupayaan bahasa dan pengetahuan am. Calon yang berjaya melepasi semua proses tapisan akan ditawarkan tempat di syarikat bersesuaian dan memulakan kerjaya mereka," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, Mental HR akan bekerjasama dengan kerajaan Malaysia dan pihak berkuasa dalam memastikan kejayaan "Work4Malaysia".

Karaboga berkata, sebelum ini terdapat beberapa inisiatif yang dilaksanakan Mental HR seperti program bahasa, kebudayaan dan pertukaran diadakan di Malaysia yang sudah beberapa kali berjaya dilaksanakan.

Kemudian, sebahagian peserta diserap untuk menyumbang bakat mereka di beberapa syarikat utama, di Turki. Untuk maklumat lanjut, mereka yang berminat boleh melayari www.mentalik.com dan <https://work4malaysia.com>.

- BERNAMA

Malaysia dipilih kempen 'Green Haj'

MAKKAH - Maktab 80, sebuah daripada sembilan maktab yang menempatkan jemaah haji Malaysia, dipilih kerajaan Arab Saudi untuk kempen Green Haj di Mina di sini.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abd Rahman berkata, kempen itu bertujuan menjaga kebersihan alam sekitar di kawasan maktab jemaah haji dengan mengasingkan barang terbuang.

"Green Haj ini suatu usaha kerajaan Arab Saudi dikendalikan pihak Muassasah Asia Tenggara dan tahun ini mereka memilih beberapa maktab sebagai maktab contoh kepada Green Haj ini iaitu Maktab 80 mewakili Malaysia, empat lagi maktab Indonesia.

"Saya harap jemaah haji Malaysia sebelum meninggalkan Mina, mereka dapat membersihkan khemah mereka dengan sebersi-

hnya," katanya kepada pemberita di sini, pada 13 Ogos lalu.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri pelancaran Kempen Kebersihan Masyair di Mina di sini yang turut dihadiri Ketua Muassasah Asia Tenggara, Sheikh Emad Fatani dan Rais Maktab 80, Ali Husin Bondagji.

Musim haji tahun ini menyaksikan 30,200 jemaah haji Malaysia mengerjakan rukun Islam kelima itu dibantu 640 petugas Lembaga Tabung Haji. Syed Saleh berkata, Kempen Kebersihan Masyair yang dilaksanakan Malaysia sejak tahun lepas akan menjadi tambah nilai kepada kempen Green Haj itu.

"Memberi tambah nilai kepada konsep rahmatan lil alamin ini yang bukan sahaja kita jaga kebersihan diri kita, kebersihan beri rahmat kepada haiwan dan persekitaran kita," katanya.

- BERNAMA

Kes serangan masjid di Oslo

OSLO - Lelaki yang didakwa melepaskan tembakan di dalam masjid di Norway muncul di mahkamah dengan mata lebam dan luka di muka serta leher.

Philip Manshaus, 21, dituduh atas dakwaan membunuh dan melanggar undang-undang anti-keganasan dalam kejadian pada 10 Ogos lalu dekat sini, lapor portal CNN.

Pendakwa bagi pihak polis bagaimanapun enggan mengesahkan identiti tertuduh. Peguam lelaki itu enggan berbuat demikian. Kesan di mukanya tidak dapat

dipastikan.

Pendakwaraya bercadang meminta Manshaus dipenjarakan bersendirian selama empat minggu dan semua komunikasi dengannya, termasuk pelawat dan surat, disekat.

Suspek yang merakam kejadian dengan kamera GoPro direbahkan oleh seorang lelaki 65 tahun di Pusat Islam Al-Noor di Baerum, bahagian barat Oslo.

Polis juga menjumpai mayat adik tiri tertuduh yang berusia 17 tahun di rumahnya, lapor portal itu lagi.

Thai AirAsia X bakal ke Eropah

BANGKOK - Thai AirAsia X akan melancarkan penerbangan ke Eropah sama ada pada akhir tahun ini atau awal tahun depan, kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes.

Beliau berkata, syarikat penerbangan tambang rendah jarak jauh itu sedang memohon kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan, sambil menambah laluan ke Eropah itu akan berlepas dari Bangkok, Thailand.

"Lapangan Terbang Antarabangsa Don Mueang sangat menyokong," katanya pada sidang media, di sini, baru-baru ini.

Dilaporkan bahawa, AirAsia X merancang untuk menggunakan pesawat Airbus A330-900neo bagi penerbangan ke Eropah, bermula dengan laluan Kuala Lumpur-



London.

Fernandes berkata, Thai AirAsia X dijangka menerima pesawat itu minggu ini.

Pada Januari 2012, AirAsia X memutuskan untuk menghentikan laluan Kuala Lumpur-Eropah akibat kenaikan cukai dan harga bahan api pesawat.

- BERNAMA



Pengorbanan kemuncak iman hamba kepada Tuhan

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar!

Ribuan tahun dahulu, junjungan kita, Nabi Ibrahim AS dengan penuh taat sudah tunduk dan patuh pada arahan Allah SWT untuk mengorbankan anak baginda sendiri, Nabi Ismail AS.

Pengorbanan itu adalah manifestasi cubaan dan ujian yang begitu besar, secara simboliknya menandakan kemuncak keimanan seorang hamba kepada tuhan.

Pada 12 Ogos lalu, umat Islam menyambut Aidiladha bagi memperingati peristiwa besar itu. Kita diajak untuk memperbaharui akad dan mengulangi tekad dalam penyerahan total kepada Sang Pencipta seperti yang diucapkan

“**Marilah kita terus berkorban jiwa raga dan sama-sama memajukan diri serta negara untuk mencapai tahap yang lebih baik. Buat penjawat awam Selangor, bersiap sedia kerana banyak yang perlu dilakukan dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12.**”

lima kali sehari dalam setiap solat: “Sesungguhnya solatku, pengabdianku, hidupku, matiku, semata-mata untuk Allah penguasa alam semesta” (*Surah Al-An'am: 162*).

Di Tanah Suci, semua tetamu Allah sedang merayakan salah satu daripada dua hari kebesaran Islam ini selepas berwukuf di Padang Arafah dengan penuh sabar dan tabah. Anak Adam daripada pelbagai bangsa, ras dan warna kulit tidak

mengira kaya atau miskin bersama-sama menzahirkan ketaatan mereka kepada tuhan semesta alam dalam satu pakaian, satu suara juga satu niat yang sama iaitu mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Pengalaman beragama sebegini memberikan kita keinsafan bahawa tiada yang lebih mulia sesama kita, kecuali yang lebih bertaqwa. Tanpa mengira kaum dan kepercayaan, setiap warga adalah jiwa yang bermaruah serta mempunyai hak

yang selayaknya.

Dalam gagasan #SelangorMajuBersama, tiada sesiapa yang ditinggalkan dalam usaha merencanakan ekonomi dan mensejahterakan negeri. Rakyat Selangor tanpa mengira latar belakang layak untuk menikmati kemakmuran bersama hasil daripada Kerajaan Negeri.

Menginsafi hakikat ini, marilah kita terus berkorban jiwa raga dan sama-sama memajukan diri serta negara untuk mencapai tahap yang lebih baik. Buat penjawat awam Selangor, bersiap sedia kerana banyak yang perlu dilakukan dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12.

Buat jemaah haji, semoga rukun Islam kelima kita menjadi sempurna dan setiap ibadah korban diterima hendaknya.

**Perutusan Aidiladha
Dato' Menteri Besar
Amirudin Shari**



Kongsi Rezeki Nikmat Disyukuri





Sidang Dewan Negeri Selangor

Speaker nafi halang pindaan enakmen



Speaker DNS bertanggungjawab memastikan perjalanan sidang DNS berjalan lancar dan tertib mengikut Peraturan Tetap DUN Selangor 1965

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Spaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Ng Suee Lim, menafikan perjalanan singkat sidang DNS yang berlangsung baru-baru ini bagi menghalang pindaan enakmen negeri.

Pindaan enakmen itu merujuk kepada kebenaran penukaran agama Islam untuk secara sebelah pihak.

Suee Lim berkata, sebagai Speaker, beliau bertanggungjawab memastikan perjalanan sidang DNS berjalan lancar dan tertib mengikut Peraturan Tetap DUN Selangor 1965.

"Apabila urusan mesyuarat habis, maka saya perlu menanggung Dewan (Negeri Selangor) mengikut Perkara 15 (2).

"Dalam aturan mesyuarat juga tiada berhubung (pindaan) enakmen itu, jadi tiada isu. Saya sebagai Speaker DNS hanya mengikut

peraturan dan urusan mesyuarat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas Mesyuarat Pakatan Harapan Dwibulanan Kali Ketiga di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar, baru-baru ini.

Katanya, penyertaan Ahli Dewan Negeri yang mengambil bahagian dalam mesyuarat berkenaan berkurangan menyebabkan urusan DNS berjalan laju.

Suee Lim berkata, tempoh sidang DNS yang singkat kali ini bukan isu baharu kerana perkara sama pernah berlaku pada 2016 dan 2017 di bawah kendalian Hannah Yeoh.

"Ada media salah faham seolah-olah kita sengaja pendekkan sidang DNS sedangkan sebelum ini mesyuarat pernah berlangsung hanya dalam tempoh dua hari.

"Masa itu tidak ada isu tetapi sekarang pula dibangkitkan," katanya.

EXCO puji kerjasama golongan belia dan veteran

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Batu Tiga, Rodziah Ismail, memuji semangat kerjasama antara golongan belia dan veteran dalam menjayakan ibadah korban peringkat daerahnya di Pusat Wanita Berdaya DUN Batu 3, Seksyen 24, di sini, pada 12 Ogos lalu.

Rodziah berkata, beliau berharap budaya itu akan diteruskan pada masa akan datang dan semua peserta terbabit dapat menghayati ibadah korban sebaik-baiknya.

"Saya memuji semangat peserta kerana sejak awal pagi tadi sudah mula hadir untuk menyertai majlis ibadah korban ini.

"Semoga kita semua dapat menghayati pengertian ibadah korban sebaik-baiknya.

"Malah, saya juga ingin memastikan lebih ramai anak muda dapat belajar dan terbabit untuk ambil alih melakukan ibadah korban, pada masa akan datang," katanya.

Pada Majlis Korban Perdana itu, sebanyak sembilan lembu dikorbankan dengan pembabitan 200 petugas yang terdiri daripada golongan belia dan veteran.

Rodziah yang juga EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan



Rodziah Ismail bersama sebahagian peserta Majlis Ibadah Korban di Pusat Wanita Berdaya DUN Batu 3, Seksyen 24, Shah Alam, pada 12 Ogos lalu

Kampung Tradisi berkata, Seksyen 24 dipilih memandangkan kawasan itu kebanyakannya mempunyai penduduk berpendapatan sederhana.

"Pembabitan peserta hari ini (12 Ogos) menunjukkan bahawa ibadah korban adalah komitmen

untuk semua dan ia bukan tugas orang masjid dan surau sahaja sebaliknya semua perlu terbabit sama.

"Saya memuji pembabitan semua orang pada hari ini dah berharap ia akan meningkat, setiap tahun," katanya.

YB Kita

Ahli Dewan Negeri N47 Pandamaran



Nama:
Leong Tuck Chee (Tony)

Negeri kelahiran:
Kuala Lumpur

Umur:
43

Taraf pendidikan:
STPM

Sukan Kegemaran:
Badminton

Pekerjaan sebelum menjadi ADN:
Peniaga

Alamat pejabat ADN:
No. 319, Jalan Telok Gadong/
KS01Off Persiaran Raja Muda
Musa, 41200 Pelabuhan Klang

Nombor Telefon ADN:
03-31631139

E-mel:
adunn47pandamaran@gmail.com

Matlamat:
1. Menjadikan Pandamaran sebagai tempat pelancongan antarabangsa
2. Mengeratkan hubungan pelbagai kaum





HIV bukan penamat riwayat

OLEH SHEEDA FATHIL

Saat melangkah masuk ke Rumah Perlindungan HIV Lelaki Muslim Darul Ukhwah, di Petaling Jaya, hati tersentuh melihat penghuninya yang peramah dan sentiasa tersenyum di sebalik penderitaan yang ditanggung mereka.

Kebanyakan penghuni lelaki seramai kira-kira 40 orang itu masing-masing kelihatan sihat dan lebih mengharukan apabila mereka dilihat cuba menunjukkan sikap positif.

Penghidap Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) yang mendapat perlindungan di Muslim Darul Ukhwah itu seolah-olah tidak menganggap masalah kesihatan yang sedang ditanggung sebagai penamat riwayat mereka.

Hampir dua jam menghabiskan masa di Darul Ukhwah, pelbagai cerita daripada beberapa penghuni yang menceritakan bagaimana mereka dijangkiti HIV.

Setiap penghuni di rumah perlindungan berkenaan tidak lokek berkongsi pengalaman demi mendidik generasi akan datang supaya tidak menerima nasib sama.

Antara cerita menarik penghuni berkenaan, ramai antara mereka datang daripada latar belakang yang bukan calang-calang orang. Ada antara mereka pernah bergelar juruterbang, pelajar lulusan luar negara dan tidak kurang ada dalam kalangan mereka pernah duduk di kerusi tinggi sama ada dalam sektor awam atau swasta.

Bagaimanapun, apakan daya berpunca daripada duit, seks dan pengaruh rakan-rakan, akhirnya kumpulan ini terjebak ke kancas sosial yang bukan sahaja memusnahkan kerjaya, malahan lebih buruk lagi memusnahkan kehidupan mereka secara keseluruhannya.

Nafsu, pengaruh rakan

Jai, 60, seorang bekas juruterbang berasal dari Kampong Bharu, Kuala Lumpur memberitahu, dia sudah 10 tahun menanggung derita akibat penyakit HIV.

Beberapa bulan pertama



gambilan dadah akan membuat seseorang juruterbang itu lebih yakin dan bertenaga dalam menerbangkan pesawat. Akibat pengaruh dadah itu juga, Jai mem-

Ramai antara mereka datang daripada latar belakang yang bukan calang-calang orang. Ada antara mereka pernah bergelar juruterbang, pelajar lulusan luar negara dan tidak kurang ada dalam kalangan mereka pernah duduk di kerusi tinggi sama ada dalam sektor awam atau swasta.

mendapat keputusan berkenaan HIV, Jai terus berubah menjadi seorang yang pendiam dan cuba menyembunyikan diri. Juruterbang lulusan dari Australia itu tidak menyangka dengan kedudukan yang dicapainya sebelum ini membuatkan dia turut tidak terkecuali dijangkiti HIV.

Mengimbu lanjut, cerita Jai, dia dijangkiti HIV kerana gemar mengambil dadah kerana terpengaruh dengan rakan-rakan. Mengikut rakan-rakannya, pen-

beritahu, dia kematian isteri pertamanya selepas kereta dipandunya terbabit dalam kemalangan jalan raya. Kemalangan itu berpunca daripada Jai yang memandu laju.

Jai merungkai rahsia hidupnya ketika ditemui SelangorKini pada majlis Penyerahan Sumbangan Jabatan Agama Islam dan NGO-i Hospital kepada penghuni Rumah Perlindungan HIV Muslim Darul Ukhwah, baru-baru ini.

Jai yang mempunyai empat anak berkata, dia mendapat

perlindungan di Muslim Darul Ukhwah selepas dibawa isteri ketiganya yang tidak mempunyai jalan lain untuk merawatnya.

Selepas kematian isteri pertama Jai melangsungkan perkahwinan kedua dan ketiga. Kata Jai, sejak di rumah perlindungan ini, dia banyak belajar terutama berkenaan ilmu agama dan kini dia mampu menerima hakikat bahawa harus berlawan dengan penyakit yang ditanggungnya.

'Call boy' jadi penyebab

Berbeza pula dengan penghidap HIV yang mahu dikenali sebagai Hanafi, 42, yang berkata akibat kesempitan hidup dan cintakan kemewahan dia sanggup bekerja sebagai 'call boy'.

Hanafi berasal dari Johor, mula aktif dengan gejala sosial itu selepas tamat belajar di sebuah universiti tempatan dalam jurusan pengurusan perhotelan.

"Niat sebagai 'call boy' yang mulanya mahu mencuba tetapi akhirnya seronok sehingga terjebak hampir 10 tahun mencari rezeki dengan kerja keji itu," cerita Hanafi. Berlainan berbanding

Jai, Hanafi tidak terkejut selepas dia dimaklumkan menghidap HIV.

"Saya tidak terkejut kerana saya memang terbabit dengan pelbagai gejala sosial yang menjejaskan kesihatan," ujarnya.

Berhubung penerimaan keluarga, Hanafi berkata, pada mulanya ahli keluarga agak sukar untuk menerima keadaannya memandangkan dia adalah anak dan pelajar cemerlang ketika di bangku sekolah tetapi lama-kelamaan mereka terpaksa menerima hakikat.

Ujar Hanafi, dia berada di rumah perlindungan ini atas inisiatif keluarganya yang memberi sokongan supaya dia meneruskan baki kehidupannya dengan lebih sempurna. Selepas beberapa bulan berada di rumah perlindungan ini, Hanafi kini sudah mula mendekati semula ilmu keagamaan. Hanafi memberi ingatan supaya anak-anak muda di luar sana tidak menjebakkan diri dalam sebarang aktiviti tidak sihat.

Mengulas berkenaan stigma masyarakat yang meminggirkan pesakit HIV, Hanafi berkata, perkara seperti itu sudah pasti berterusan, namun pesakit HIV perlu kuat dan sentiasa bangkit untuk berubah menjadi lebih baik.

Rumah Perlindungan HIV Darul Ukhwah

- Ditubuhkan pada tahun 2009
- Lokasi di Petaling Jaya, Selangor
- Diasaskan oleh pendakwah terkemuka, Muhammad Abdullah Al-Amin
- Menempatkan penghuni lelaki beragama Islam
- Memberikan perkhidmatan perlindungan percuma
- Mampu memuatkan 45 penghuni pada satu-satu masa
- Selepas 10 tahun beroperasi, rumah perlindungan ini menerima kira-kira 400 penghuni
- Aktiviti di rumah perlindungan ini antaranya memberi rawatan perubatan, motivasi, ceramah, solat jemaah, kraftangan dan program kemasyarakatan

Apa itu HIV?

- Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV)
- Memusnahkan sistem imunisasi badan
- Virus terdapat dalam darah, cecair badan, lelehan vagina dan susu ibu individu yang terkena jangkitan
- Individu dijangkiti sentiasa membawa virus itu dan dapat memindahkannya kepada orang lain sepanjang hayat pesakit
- HIV boleh merebak melalui darah yang dijangkiti HIV dan cecair badan seperti ketika hubungan seks, berkongsi jarum suntikan sesama penagih dadah
- Golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) kelompok tertinggi dijangkiti HIV
- 50 peratus kes baharu dilaporkan sepanjang 2017 membabitkan LGBT

(Sumber: Laporan Sektor HIV/STI (Jangkitan Melalui Hubungan Seks), Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan)



PERTEMUAN AHLI FALSAFAH & HANTU

OLEH ANI AZIZ

Apa yang menarik tentang hidup ini? Dia mengelamun tenggelam dalam persoalan di meja kopinya. Keinginan? Matlamat? Hukum alam? Kebebasan manusia dalam kekangan undang-undang atau kebebasan manusia tanpa undang-undang.

Dia menghirup kopinya. Di luar sudah lewat malam. Tetapi baginya yang hilang penglihatan, terang dan gelap tak ada beza. Cuma malam lebih sunyi, lebih tenang untuk menghabiskan sepanjang malam di kerusinya sambil menikmati kopi. Tanpa gangguan bunyi mindanya mengembara.

Matanya buta akibat gangguan retina selama bertahun-tahun. Glaukoma. Daya penglihatannya lemah secara perlahan-lahan dan akhirnya dia bangun dalam kegelapan. Ia telah hilang nikmat membaca. Pada tahun-tahun mudanya, dia masih ingat bagaimana obsesnya terhadap membaca. Kini, dia hanya larut dalam ingatan tentang idea-idea yang telah dibacanya. Sesekali, dia dijemput universiti-universiti sebagai penyarah tamu dalam subjek falsafah.

Pekerjaan yang melesukan. Berserah di hadapan sekumpulan anak muda yang tidak tahu fungsi pemikiran dan falsafah membuatnya semakin tidak bermotivasi dengan hidup. Idea-idea falsafah dirampas oleh keghairahan individualistik dan materialistik. Apa yang penting lagi dengan membina masyarakat utopia. Semuanya hanyalah idea klasik masyarakat kuno yang daif.

Celaka Adam Smith. Dia menyumpah dalam hatinya.

Dia tercium bau busuk secara tiba-tiba. Bau bangkai dari arah dapur. Dia berjalan teraba-raba ke arah dapur. Fikirnya ada haiwan mati. Bau yang terlalu busuk sehingga rasa mencucuk kepalanya. Dia rasa jijik.

Semasa dia sampai di dapur, tiba-tiba bunyi pintu tertutup dengan kuat pula dari arah biliknya. Seperti ada angin kuat menerjah ke dalam rumahnya.

Dia kembali ke ruang tamu. Radio terpasang sendirinya. Lagu *Seri Dewi Malam* nyanyian Sharifah Aini. Lagu yang lama tidak didengarinya. Mungkin berbelas-belas tahun lamanya. Dia masih ingat betapa ibunya sukakan lagu ini.

Kejadian-kejadian aneh dalam rumahnya buat dia berfikir keras untuk mewartakan dirinya kembali. Seseorang mungkin di dalam rumahnya; tetamu atau penceroboh? Dia bersiap siaga. Ambil pisau pemotong di dapur. Dia akan tikam semberono jika ada yang menyergahnya.

Dia berdiri tegak dengan pisau di tangan di ruang tamu. Kegelapan menyelubunginya. Untuk beberapa detik keadaan rumahnya hening. Perlahan-lahan, dia mula rasa ada tenaga yang muncul dalam kegelapan. Hantu? Roh jahat? *Monster*? Mayat hidup?

"Siapa kau?" bertanya. Pertanyaannya seperti melanggar tembok. Tiada jawapan.

Tapi dia dapat rasa hembusan nafas yang perlahan dan berdenyut.

"Aku tahu kau di sana" Katanya lagi.

"Nadia", suara menyahut dari sebuah ruang paling kelam di rumahnya. Dari arah cermin meja.



"Apa yang kau buat berada di sini? Tanpanya kembali. Suaranya berubah nada mendarat.

"Tidak tahu. Dalam satu perjalanan dimensi metafizik.

Aku tiba-tiba berada di sini. Di rumah kau. Seorang lelaki dewasa yang buta. Mungkin takdir"

Nadia menghampirinya. Berpusing mengelilinginya. Dia dapat merasakan, dan cuba gapai. Tangannya menembusi udara.

"Takdir? Ketentuan? Seseorang bertemu sama ada didorong oleh sebab, atau sebab yang menemukan seseorang. Bagaimana kau berada di sini?"

"Aku sedang tidur di asramaku. Aku bermimpi. Mimpi telah membawaku kesini" Kata Nadia.

"Dalam mimpi dan membawa kau ke rumahku. Id yang terlepas dari dimensi masa? Sebuah jiwa dari alam surreal bertemu seseorang di dunia realiti. Ia agak membingungkan utukku"

Dia kembali duduk di kerusinya. Menghabiskan sisa-sisa kopi. Kemunculan; apa katanama yang perlu dirujuknya, Id? Spiritual? Roh? Entiti? Atau boleh nyatakan, hantu? Mengganggu fikirannya. Dia terasa seperti berada di dalam kepala Sigmund Freud. Seseorang datang (muncul?) di rumahnya, dan mendakwa merentasi mimpi untuk bertemu.

"Jadi apa yang aku boleh lakukan untuk kau. Aku betul-betul maksudkan ini. Kedatangan ini mengganggu emosiku. Ia fenomena alam yang tidak bermoral. Song-sang. Aku tidak pernah tahu atau baca dari mana-mana kejadian seperti ini. Apa yang patut aku lakukan sekarang. Adakah aku patut takut dengan kau?"

"Saya harap tuan tidak terlalu risau. Akhir-akhir ini saya resah. Jiwa saya tertekan. Mungkin jiwa terlepas semasa saya tidur, ketika saya tidak dapat mengawal badan saya." Katanya lagi, "Ibu saya di kampung

sedang sakit. Bapa saya perlukan wang untuk mendapatkan rawatan untuknya. Abang saya yang sering membantu keluarga pula kemalangan di tempat kerjanya. Tangannya termasuk di dalam mesin. Dia cedera parah dan sekarang tidak dapat lagi bekerja"

Dia dapat rasakan entiti tersebut berjalan ke arah tingkap. Berdiri dan sambil memerhatikannya. Dia hanya diam. Kepalanya berfikir ligat. Krisis ekonomi. Ketidakseimbangan hidup. Material dan bukan material. Bebanan hidup yang buat jiwa wanita ini tidak sihat. Resah di dalam tidurnya.

Adakah ketika tidur, rohnya juga merayau? Dia tertanya-tanya sendirian. Mencari seseorang untuk melepaskan perasaan. Tetapi apa pula yang mengganggu? Kesunyian? Kehampaan? Dilema seksualiti? Dia merenung ke dalam fikirannya. Roh-roh sakit ini bergentayangan di udara ketika malam larut. Bertembung dan berpisah antara satu sama lain.

Dia menghela nafas. Ada jarak antara dirinya dan Nadia.

"Panta Rei." Katanya. Segalanya mengalir kata Heraclitus. Seperti jampi. Roh wanita itu hilang semasa kalimat itu diucapkan.

Dia membatu di kerusinya. Segala ruang dunia terasa seperti ditarik ke dalam pusat fikirannya. Dia mula rasa dalam kegelapan mutlak. Badannya melayang jauh ke dalam dasar kegelapan.

Dia terjaga. Seperti tertidur dalam seribu tahun cahaya. Cahaya matahari mengigitnya. Radio masih terpasang. Siaran berita pagi. Seorang wanita pelajar universiti dijumpai mati akibat lebihan pil tidur di katil asrama. Dia termenung seketika. Nama pelajar yang membunuh diri itu adalah Nadia. Hatinya sebal. Dia mencapai tongkatnya. Berjalan teraba-raba menuju ke tandasnya.

Hujan, bagimu Bau. Dan bagiku pemuzik yang menukik kepalaku

aku ingat kau cinta kalau hujan menumis di jalan dan petrichor menunda ke hujung beranda. Rumah – sejak diusangkanmu ia terkenang penghuni sebatukayu tubuhnya berusuk sarang-sarang sepi.

mereka mengusungmu keluar lagi, hari ini seakan sama seperti setahunlalu seperti besok seperti seterusnya; bukan masa yang membunuhmu tetapi ia menggari tangan sendiri relahati membanduan dalam bar penjara kalendar yang tak lagi dikoyakkan.

semua hal akan ditinggal kepada kerosakan kecuali, mungkin darimu. yang tak menyisakan satuapa meski sebaris nama untuk direbut sesiapa: kau emas kintsugi bagi retak-retak hati

di kediaman ini, sesekali atapmu bertakung airmawar.

Kau akan lebih bau hujan.

Meor Izzat Mohamad
Errachidia, Maghribi

OLEH DRYUSMILAYATI YUNOS

Emping belinjau atau dipanggil belinjo amat popular dalam kalangan masyarakat Jawa. Bijinya boleh dibuat emping atau keropok, manakala daunnya yang dikenali sebagai daun so boleh dimasak menjadi air minuman atau dimasak lemak.

Dalam tempoh 35 hingga 40 tahun lalu, arwah embah bersama cucu-cucunya asyik sibuk mengemas pondok kecilnya untuk memulakan proses membuat emping belinjo.

Pondok kecil embah itu sebenarnya tempat meletakkan mesin getah lama.

Proses membuat emping belinjau, atau nama sains *Gnetum gnemon* lazimnya bermula pada awal pagi. Ia bermula dengan embah dan beberapa cucunya akan mengutip buah belinjau berwarna merah yang jatuh bertaburan di bawah pokok.

Buah belinjau yang cukup runcup itu kemudian dibuang kulitnya sebelum ia dijemur.

Selepas kering, buah belinjo itu dimasukkan ke dalam kecu-ali tanpa minyak untuk digoreng. Menggoreng buah belinjau tidak sesukar mana kerana ia sekadar perlu dikacau agar tidak hangus sebelum menjadi garing.

Gamit zaman kanak-kanak

Pada zaman itu, setiap hari Sabtu, Ahad dan musim cuti sekolah menjadi hari yang sangat ditunggu-tunggu bukan sahaja oleh

embah tetapi juga anak cucunya.

Pagi-pagi lagi, cucu-cucu embah akan berlari ke rumah warga emas itu untuk membuat emping, di samping sesi bercerita dan meluahkan perasaan.

Pada hari-hari berkenaan, rumah embah pasti dikunjungi cucu-cucu. Embah kemudian memberi tugas kepada setiap cucunya untuk memulakan proses menyiapkan belinjau.

Tugas yang diagih bermula daripada membentangkan tikar, menghidupkan dapur kayu,

menggoreng biji belinjau, menumbuk bijinya dan seterusnya membuang kulit menggunakan lesung batu.

Menyiapkan emping belinjau tidak semudah mana apabila cucu-cucu embah juga kemudian diminta meleperkan biji belinjau menggunakan tukul besi, menyusun emping ke dalam dulang dan kemudian menjemur emping sehingga kering.

Sepanjang proses menyiapkan emping belinjau, embah tidak membisu sebaliknya dia juga akan menggunakan kesempatan itu bertanya perkembangan pelajaran setiap cucunya di sekolah. Pertanyaan yang lazim diaju

embah termasuk bab belajar mengaji surah-surah al-Quran.

Selain menjadi tempat membuat belinjau, pondok tidak seberapa gah itu turut menjadi saksi, embah dan cucu-cucunya menangis jika mereka menyentuh berhubung peristiwa sedih. Namun begitu, ada harinya embah dan cucu-cucunya bergelak ketawa jika ada peristiwa lucu.

Belinjau saksi kasih sayang embah

Walaupun embah tidak bersekolah tetapi warga emas itu amat mengalakkan cucu-cucunya belajar hingga ke peringkat tinggi supaya mereka dapat membantu keluarga kelak.

Selepas biji belinjau siap diproses menjadi emping, embah menjadi orang penting dalam tugas menyimpan dan mengagihkan hasil titik peluh bersama.

Ironinya, sepanjang proses membuat kudapan itu, embah dan cucu-cucu sebenarnya dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara mereka.

Sepanjang proses membuat emping juga, embah menerapkan pelbagai ilmu kepada cucu-cucunya seperti menghormati saudara yang lebih tua, menepati masa dan menjadi orang berdisiplin.

Aspek lain pula, emping belinjau sebenarnya mempunyai rasa yang unik seperti berlemak, sedikit pahit dan ragut. Tidak semua orang menggemari kuda-

Hidangan popular masyarakat Jawa

Belinjau

punyai pelbagai khasiat alami

KHASIAT

BIJI mempunyai bahan antioksidan mengatasi masalah tekanan darah tinggi

DAUN mengubati luka dan mempercepatkan proses pengeringan luka jika ia ditumbuk dan dicampur dengan bawang putih

pan ini tetapi tidak kurang juga ramai yang menggilai rasa unik emping belinjau berkenaan.

Daripada aspek kesihatan, belinjau dapat mengatasi masalah tekanan darah tinggi kerana bahan antioksidan yang terdapat di dalam bijinya.

Bagi daun belinjau pula, jika ia ditumbuk dan dicampur dengan bawang putih ia dapat mengubati luka dan mempercepatkan proses pengeringan luka.

Kini proses pembuatan emping daripada belinjau sudah tidak seperti dahulu. Dahulu pembuatan emping belinjau menggunakan dapur kayu atau dapur minyak tetapi kini selari dengan peredaran masa, pembuatan emping itu kini menggunakan mesin yang semakin popular.

Emping belinjau juga sudah dipelbagaikan cara olahannya seperti disira cili dan gula. Namun, rasa emping belinjau asli dan pembuatan secara tradisional tetap menjadi pilihan kepada peminat kudapan ini.

Dr Yusmilayati Yunos adalah Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia





OLEH NAZLI IBRAHIM

Sentuhan The Art Market

Daya tarikan mural Pangsapuri Angsana

SUBANG - Seramai 10 artis dari 'The Art Market' Malaysia bakal bergabung tenaga menyiapkan lukisan mural di atas 100 dinding dalam Projek Merdeka Mural Pangsapuri Angsana.

Projek yang dianggarkan bernilai RM150,000 itu juga mampu menjadi pemangkin perubahan sikap masyarakat supaya lebih bertanggungjawab menjaga kebersihan dan menghargai harta awam.

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek, berkata projek itu mampu menjadi daya tarikan yang unik.

"Lukisan tiga dimensi misalnya mampu menjadi daya tarikan termasuk pelancong dan bagi pasangan pengantin yang ingin mengadakan sesi fotografi.

"Ini usaha yang baik oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan wajar dicontohi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian pada Majlis Pelancaran Projek Merdeka Mural Pangsapuri Angsana dan SJ 'Riverfront' USJ 1, Subang Jaya, di sini, baru-baru ini.

Katanya, projek itu sebahagian usaha membangunkan komuniti secara inklusif bagi mencapai

kesejahteraan hidup dan pembangunan mampan.

Program yang dilaksanakan di blok D dan F yang dijangka mengambil masa selewat-lewatnya tiga bulan untuk disiapkan itu adalah kolaborasi strategik antara MPSJ, Persatuan Penduduk Zon 4 MPSJ, The Art Market Malaysia dan komuniti setempat.

Pelbagai tema termasuk berkaitan kemerdekaan akan diterapkan dalam lukisan mural itu nanti.

Sementara itu pada sidang media di program sama, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya, Michelle Ng Mei Sze berkata, selain 10 pelukis yang diketuai pelukis, Ibnuo Jalil, penduduk juga diseru mengambil bahagian dalam projek terbabit.

"Walaupun projek ini menggunakan pelukis profesional tetapi penduduk boleh terbabit sama seperti membersihkan dinding dan membantu pelukis mengecat warna asas seperti dikehendaki," katanya.



Datuk Seri Mohammad Mentek melukis mural pada dinding pangsapuri ketika Majlis Pelancaran Projek Merdeka Mural Pangsapuri Angsana dan SJ 'Riverfront' USJ 1, Subang Jaya. Foto Facebook/KPKT MALAYSIA

Sanggup bayar bil elektrik RM100,000

KLANG - Pemilik kilang yang memproses plastik sampah haram sanggup membayar bil elektrik mencecah RM100,000 sebulan bagi menjalankan operasi mereka.

Timbalan Pengarah Pelesenan Majlis Perbandaran Klang (MPK), Mohd Fharulisa Mohd Isa, berkata hal itu kerana pemilik premis memperoleh keuntungan jutaan ringgit selepas sampah berkenaan diproses dan dihantar kepada pengilang.

"Jumlah kompaun yang dikenakan setiap kali (kilang) beroperasi ialah RM1,000 dan sudah tentu nilainya amat rendah pada mereka.

"Ekoran itu, ketika operasi membanteras kilang haram, MPK mengambil tindakan untuk membuat pemotongan bekalan elektrik bagi melumpuhkan operasi mereka," katanya ketika ditemui pada Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Kilang Plastik Haram di Teluk Gong, di sini, pada 8 Ogos lalu.

Operasi itu turut disertai Ahli Majlis Kawasan Zon 46B, M Pusa-

pavali dan Pengurus Penasihat Runcit Perniagaan Tenaga Nasional Berhad, Mohamad Izwan Zainal.

Ia turut mendapat kerjasama anggota Jabatan Imigresen dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pada 3 Jun lalu, EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han memaklumkan, akan bertemu Suruhanjaya Tenaga untuk bekerjasama supaya membuat pemotongan bekalan elektrik, selepas menerima surat permohonan atau aduan berkaitan kilang plastik haram daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Sementara EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, JAS akan menyita semua mesin di kilang haram dan membuat pendakwaan terhadap pemilik tanah serta premis kilang di mahkamah mengikut akta sedia ada.

Syarat ketat operasi kilang bateri

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mengeluarkan lesen sementara selama dua bulan kepada sebuah kilang bateri di Jenjarom selepas menerima sokongan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid, berkata JAS juga memberi ulasan bahawatiada halangan untuk kilang itu meneruskan operasi premis selepas Perintah Larangan di bawah Seksyen 34AA Akta Kualiti Alam Sekililing 1974 ditarik balik.

Bagaimanapun, katanya, kilang berkenaan perlu mematuhi beberapa syarat yang dikeluarkan antaranya tidak menjalankan aktiviti dan operasi melebur plumbum sehingga kelulusan laporan kajian Impak Alam Sekitar (EIA)

dikeluarkan oleh JAS.

"Lanjutan daripada penarikan balik Perintah Larangan itu, MDKL bersetuju untuk menimbangkan permohonan lesen perniagaan sementara selama dua bulan mulai 19 Jun hingga 19 Ogos 2019 dengan syarat pihak kilang perlu mematuhi syarat ditetapkan JAS yang dikeluarkan pada 12 Jun lalu.

"Kilang juga perlu mematuhi syarat yang dikeluarkan Jabatan Kawalan Bangunan MDKL yang ditetapkan, pada 6 Mei lalu," katanya dalam kenyataan.

Mohamad Zain berkata, lesen sementara itu akan ditarik balik jika pengusaha kilang melanggar mana-mana peraturan ditetapkan.

"MDKL menegaskan sekali lagi bahawa semua kelulusan lesen

sementara dan kekal akan mengikut prosedur ditetapkan tanpa sebarang kompromi," katanya.

Terdahulu, kilang bateri itu diarah tutup serta-merta oleh Kerajaan Negeri sehingga siasatan terhadap pencemaran asid dan plumbum yang didakwa berpunca daripada kilang terbabit selesai.

Pada 9 Ogos lalu, hampir 100 penduduk mengadakan demonstrasi aman dan mendesak MDKL serta JAS tidak menyambung lesen operasi sementara kilang itu yang tamat pada 19 Ogos ini.

Penduduk mendakwa kilang bateri itu membuang sisa plumbum ke dalam saluran yang bersambung dengan sungai serta menyebabkan pencemaran udara di Jalan Sukepi, di sini.

MBPJ buka EZ-Pay sepanjang Ogos

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membuka kaunter bergerak EZ-Pay sepanjang bulan ini bagi memudahkan orang ramai membuat pembayaran cukai atau kompaun di lokasi ditetapkan.

MBPJ dalam kenyataan memaklumkan, kaunter ibu pejabat MBPJ dibuka pada setiap hari minggu dan beroperasi ber-

mula dari jam 9 pagi hingga 4 petang.

Bagaimanapun katanya, kaunter berkenaan ditutup pada 11 dan 12 Ogos lalu bagi memberi laluan cuti Aidiladha.

"Bagi lokasi kaunter di PJU7/16, Mutiara Damansara (1-4 Ogos); SD 12/1 (5-10 Ogos); SD 2/1G (13-18 Ogos); Taman Megah, SS 24 (19-25 Ogos); (PJU 10, Damansara Damai (26-

31 Ogos) bermula dari 10 pagi hingga 3 petang," katanya.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ di talian 03-7956 3544 sambungan 101/103/104/106/109 atau melayari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau laman sosial MBPJ (Facebook: petalingjaya-citycouncil, Twitter dan Instagram: @pjcitycouncil).



Pengeluaran, penjualan pasir cecah 76.5 juta tan metrik

KSSB sumbang RM532.6 juta

OLEH AFIX REDZUAN

KUMPULAN Semesta Sdn Bhd (KSSB) berjaya menyumbangkan sejumlah RM532.6 juta kepada Kerajaan Negeri menerusi hasil pengeluaran dan penjualan pasir dengan kuantiti jualan mencecah 76.5 juta tan metrik, setakat 30 Jun 2019.

Ketua Pegawai Kewangan KSSB, Mohamed Fariz Ghazali berkata, sebagai sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri, KSSB bertanggungjawab menguruskan bahan batuan dan mineral di Selangor khususnya bagi mengoptimumkan pulangan hasil kepada Kerajaan Negeri.

Ditubuhkan sejak 10 tahun lalu, KSSB melalui model perniagaan penjualan pasir sudah melaksanakan kerja penyelenggaraan sungai sepanjang 242.65 kilometer selain termasuk semua muka sauk loji rawatan air serta kolam takungan banjir, di Selangor.

"Selain menguruskan operasi perlombongan, antara objektif utama perniagaan KSSB adalah membuka akses pasaran kepada kontraktor serta pelbagai kontrak perlombongan. Pelanggan utama kami adalah loji pengukuran (batching plants) konkrit utama, syarikat pembinaan dan pemaaju serta peniaga serta syarikat logistik.

"Setakat ini, kita mempunyai enam lombong syarikat berkaitan kerajaan (GLC), tujuh lombong persendirian, 35 lokasi cuci gali sungai, 24 tapak simpanan stok (stockpile) pasir, satu simpanan stok kuari, dua kuari, empat lokasi tanah liat dan empat lokasi muka sauk.

KSSB mempunyai 115 kakitangan di tapak dan 73 kakitangan di ibu pejabat termasuk kakitangan teknikal setakat ini, yang berupaya menghasilkan skim perlombongan dan dokumentasi bagi permohonan atau pembaharuan permit kerja cari gali dan perlombongan selain memastikan hubungan baik dengan Jabatan Teknikal.

Beliau berkata, terdapat dua jenis operasi utama yang dijalankan iaitu huluan membabitkan tanah beban, tanah liat, pasir, tanah merah, granit dan emas serta operasi hiliran. KSSB juga membuat kajian bagi penyediaan operasi perlombongan mineral bijih timah, bauksit dan arang batu. Operasi hiliran membabit-



kan kolam takungan air, operasi pam, tebatan banjir, penyelenggaraan muka sauk loji, skim melombong serta pelan tanah, mesin dan jentera, laporan penyediaan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan Laporan Pengurusan Alam Sekitar (EMR), dan teknologi maklumat bermula dengan Sistem Smart Docket.

"KSSB mempunyai kecekapan menguruskan projek dan jualan membabitkan lebih 70 kontraktor berbeza di tapak operasi selain mempunyai pengalaman menguruskan lebih 400 lori jentera, mesin dan peralatan pada satu-satu masa di kawasan perlombongan yang besar".

"KSSB juga berpengalaman melaksanakan kerja pembinaan kolam takungan utama bagi sumber air alternatif (off-river storage) seluas 212.819 hektar dengan kedalaman 23.5 meter dari paras bumi melalui lantikan Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

"Dengan pengalaman di dalam dokumentasi dan kepakaran maklumat teknikal yang diperlukan didalam menguruskan permit operasi perlombongan dalam pengorekan su-

ngai, KSSB baru-baru ini sudah memperkemas keupayaan di dalam menyediakan Operational Mining Scheme (OMS) dan kepakaran dalam penyediaan laporan EIA dan EMR serta EMP, sekali gus memendekkan ketersediaan laporan yang lengkap seperti dikehendaki oleh Jabatan Teknikal," katanya.

Mohamed Fariz berkata, KSSB meluaskan operasinya secara lebih agresif sejak tiga tahun lalu dengan mempelopori perniagaan pasir, kuari, tanah liat, tanah beban dan tanah merah di kawasan seluas kira-kira 1,525.058 hektar (3768.58 ekar) di Selangor.

Katanya, KSSB juga mengembangkan operasi perniagaan ke negeri lain iaitu di Kelantan disamping melihat potensi di negara lain, antaranya melaksanakan transaksi eksport pasir yang pertama bermula tahun lalu.

"KSSB masuk ke Kelantan susulan banjir pada 2014, yang menyebabkan Sungai Kelantan cetek. Jadi, kita bawa kepakaran kita untuk opera-

si mendalamkan sungai tetapi kita tidak jual, cuma korek sahaja sehingga mendapat permit jualan dan eksport daripada pihak berkuasa".

"KSSB juga sudah mengembangkan pasukan eksplorasi khas untuk mineral lain seperti potensi timah dan bauksit di Selangor dan emas di negeri sebelah pantai timur".

"Tujuan utama pengorekan sungai adalah satu untuk penjualan pasir tetapi sebenarnya pada masa sama, ia bertujuan dalam sungai bagi mengelakkan banjir," katanya.

Walaupun perniagaan utamanya adalah batuan dan sumber mineral, KSSB juga sudah mulai meninjau industri teknologi maklumat (IT) menerusi Smart Docket bagi mengurangkan ketirisan.

"Kita perlu menggunakan IT untuk mengawal pihak yang mengelak pembayaran docket. Sebab itu, kita lancarkan Smart Docket, bagi mengawal lori yang keluar masuk menggunakan sistem elektronik.

"Dari situ juga, kita sedang membangunkan proses yang mempercepatkan proses kelulusan permit. Kita banyak berurusan dengan pelbagai jabatan, jadi kita nak pusatkan satu sistem kelulusan, yang lebih berkesan," katanya.

"KSSB turut mendapatkan akre-

ditasi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 12 Januari 2018, sebuah badan pensijilan yang diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa, demi membina sebuah organisasi berorientasikan kualiti," katanya.

Dengan pensijilan ISO terbaru ini, SOP pengorekan pelantikan dan pengurusan kontraktor dan penjualan perlombongan pasir ini dibukukan dan diaudit oleh badan profesional. Apa yang diketahui, setakat ini KSSB adalah satu-satunya syarikat perlom-

ongan pertama di rantau Asia yang mendaftarkan SOP operasi pengorekan, pengurusan serta penjualan pasir bagi diaudit oleh ISO 9001:2015 bertaraf antarabangsa.

Jabatan Kualiti, Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran (QSHE) juga menjadi keutamaan dalam program penambahbaikan operasi KSSB dengan ia dimasukkan sebagai sebahagian di dalam modul kualiti bagi akreditasi ISO. Seperti yang berlaku baru-baru ini, pasukan ERT dan QSHE berjaya bersama-sama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) meminimalkan risiko tumpahan diesel daripada merebak ke dalam muka sauk dan mengelakkan dari kejadian yang lebih besar berlaku di dalam masa singkat.





OLEH NORHAYATI UMOR

Caj kediaman UiTM

Tampung selenggara kemudahan kolej

SHAH ALAM - Tindakan kerajaan mengurangkan peruntukan untuk universiti hampir RM500 juta sejak 2017 menyebabkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) terpaksa mengenakan caj bayaran kolej kediaman bagi semester bermula September ini.

Naib Canselornya, Prof Emeritus Ir Dr Mohd Azraai Kassim berkata, caj itu dikenakan bagi menampung penyelenggaraan dan penambahbaikan kemudahan kolej pelajar serta fasiliti pengajaran juga pembelajaran berusia lebih 60 tahun.

Bagi memastikan kelangsungan universiti serta melahirkan lebih ramai graduan berdaya saing, katanya, UiTM juga sedang giat menjalankan transformasi berterusan dan peningkatan mutu penyampaian menyeluruh.

"Ia dilaksanakan melalui inisiatif strategik bagi mencapai aspirasi

untuk menjadi sebuah universiti perdana bertaraf antarabangsa.

"UiTM mula membuat perincian dan kajian terperinci mengenai caj bayaran kolej kediaman kepada pelajar program diploma sejak 2014 dan pihak universiti kemudian mengambil keputusan melaksanakannya mulai semester September ini," katanya dalam kenyataan.

Pada 12 Ogos lalu, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam laman Facebooknya dilaporkan mendakwa, bermula semester depan pelajar diploma

UiTM akan dikenakan yuran kolej kediaman mengikut kategori, masing-masing bilik empat orang RM210, bilik tiga orang (RM315) dan bilik dua orang (RM400).

Pada masa sama, Dr Mohd Azraai berkata, pihaknya turut memperkenalkan pengecualian bayaran caj kolej kediaman kepada enam kategori pelajar program diploma.

Katanya, ia mencakupi pelajar daripada keluarga miskin dengan pendapatan sebulan di bawah RM2,500 serta pelajar menganggotai Majlis Perwakilan Pelajar

(MPP), Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPK) dan aktif pasukan beruniform.

Turut mendapat pengecualian ialah pelajar yang mewakili negara dan diiktiraf Kementerian Belia dan Sukan; dan menganggotai kelab atau persatuan yang cemerlang, mewakili negara dan memenangi pertandingan di peringkat antarabangsa.

"Seiring dengan keperluan pelajar universiti masa kini, terutama di semua 35 kampus cawangan UiTM seluruh negara.

"Kadar bayaran yang akan

dikenakan adalah RM2, RM3 dan RM4 sehari bergantung kepada jenis bilik mengikut pilihan pelajar.

Terdahulu, UiTM mengeluarkan pekeliling mengenai caj bayaran kolej kediaman kepada pelajar pra diploma, diploma, Certified Accounting Technicians dan Sarjana Muda Sains (Kepujian) Senibina yang disediakan tempat tinggal di dalam kampus.

Caj itu dikenakan susulan caj bayaran kolej kediaman dalam kampus universiti itu bagi pelajar ijazah sarjana muda yang diperkenalkan, sejak Disember 2005.

Super Asnaf bantu pelajar lebih berjaya

HULU LANGAT - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) melaksanakan program Super Asnaf bertujuan memberi motivasi kepada pelajar asnaf untuk lebih cemerlang.

Timbalan Rektor Pengurusan Korporatnya, Dr Zulkifli Abd Hamid berkata, program Bahagian Zakat, Wakaf dan Infaq KUIS dengan kerjasama konsultan Tip Top Synergy itu juga bertujuan memberi pendedahan kepada peserta yang memperoleh keputusan di bawah 2.5 purata nilai gred kumulatif (CGPA) untuk mengenali potensi diri.

"Jika sentiasa leka dan mudah terjebak dengan dunia semasa, maka kita akan merosakkan masa depan sebagai anak asnaf yang gagal memanfaatkan ilmu dipelajari.

"Semua peserta juga perlu



berhati-hati dalam memilih sahabat atau teman dan menggunakan strategi belajar yang efektif bagi merubah pencapaian

akademik pada semester akan datang," katanya di majlis perasmian program itu, baru-baru ini.

Pada masa sama, Dr Zulkifli

berkata, program pertama kali yang diadakan selama tiga hari itu juga berjaya mencapai objektif yang disasarkan apabila

83.3 peratus daripada hasil soal selidik mencadangkan supaya ia terus dilaksanakan, pada masa akan datang.

Keutamaan baiki sekolah terjejas ribut

TEMERLOH - Kementerian Kerja Raya memberi keutamaan kepada kerja pembaikan sekolah dan institusi pendidikan yang rosak akibat ribut daripada ekor taufan Lekima,

pada 9 Ogos lalu.

Timbalan Menteri, Mohd Anuar Mohd Tahir berkata, setakat ini, mereka masih menunggu laporan daripada Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) untuk tindakan selanjutnya.

Sehubungan itu, Mohd Anuar menggesa sekolah yang terjejas segera membuat laporan kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk dipanjangkan kepada KPM diikuti kementerian beliau.

"Kita akan menghantar jurutera daerah untuk melihat dan membuat anggaran kerosakan supaya apabila peruntukan ada, kita dapat segera mencari kontraktor yang berkelayakan untuk membaikinya,"katanya.

Mohd Anuar berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Kenduri Rakyat sempena Hari Raya Aidiladha anjuran bersama Pejabat Ahli Parlimen Temerloh dan Anih Berhad di Lanchang Permai di sini, pada



12 Ogos lalu.

Pada 10 Ogos lalu, KPM mengesahkan sebanyak 329 sekolah dan institusi pendidikan di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Pahang dan Terengganu mengalami kerosakan akibat taufan itu dengan kerugian dianggarkan RM20 juta.

Pada majlis itu, Anih Berhad yang juga pemegang konsepsi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Pantai Timur 1


menyumbangkan dua ekor lembu bagi ibadat korban untuk diagihkan kepada golongan asnaf sekitar Lanchang.

Pengarah Eksekutif Anih Berhad, Datuk Nik Fauzi Nik Hussein, menyifatkan sumbangan itu sebagai landasan kepada pihaknya untuk mengukuhkan silaturahmi dengan penduduk setempat selain membantu menceriaikan golongan yang memerlukan. - BERNAMA

Sumbang artikel anda!

Ahli akademik dipelawa menyumbang artikel kepada SelangorKini. Panjang tulisan antara 600 hingga 700 patah perkataan. Sertakan gambar dan biodata ringkas penulis. Artikel terpilih akan disiarkan di akhbar atau portal SelangorKini.

Hantarkan kepada
editor@mediaselangor.com



Sidang Meja Bulat Fiqh Ta' Ayush

Capai objektif hidup kebersamaan



Persidangan Meja Bulat Fiqh Ta' Ayush 2019 di Bilik Seminar Institut Darul Ehsan, pada 8 Ogos lalu

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Persidangan Meja Bulat Fiqh Ta' Ayush anjuran Institut Darul Ehsan (IDE) yang julung kali diadakan pada 8 Ogos lalu berjaya mencapai objektif seperti dirangkakan.

Ahli Lembaga Pengarah IDE, Senator Ismail Yusop berkata, persidangan itu membincangkan keperluan untuk mendedahkan cara berfikir yang menepati hasrat Fiqh Ta' Ayush As Silmi atau hidup kebersamaan.

Katanya, prinsip hidup kebersamaan adalah perkara penting perlu dibincangkan terutama ketika mendepani zaman moden kini.

"Ia adalah formula asas bagi mengukuhkan perpaduan rakyat dalam masyarakat berbilang kaum

yang wujud, di negara ini.

"Kini sudah tiba masanya untuk kita melangkah lebih progresif sebagai semangat pengukuhan sesama masyarakat sempena menyambut dan menghayati bulan Kemerdekaan ke-62 yang bakal tiba tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sesi Persidangan Meja Bulat Fiqh Ta' Ayush di Bilik Seminar IDE, di sini.

Pada masa sama, Ismail berkata, hubungan sesama Islam adalah atas dasar persaudaraan keimanan, manakala Cina dan India walau berlainan agama mereka tetap warganegara dan rakan senegara.

"Oleh itu, semua bangsa perlu mempunyai matlamat jelas serta tekad yang kuat untuk membina hidup bersama secara aman.

"Prinsip Fiqh Ta' Ayush As Silmi jika diamalkan antara golongan Islam dan bukan Islam mampu menjamin kehidupan sejahtera dalam sesebuah negara," katanya.

Sementara itu, katanya, IDE juga bercadang menubuhkan kumpulan khusus untuk menjayakan agenda Fiqh Ta' Ayush supaya terus dibincangkan dan diperinci, pada masa depan.

Terdahulu, pada persidangan itu turut diselitkan sesi pembentangan antara tajuknya adalah al-Ta' ayush : Melihat dari Sudut Si-rah; Peranan Universiti dalam Mempromosi Fiqh Ta' ayush; Kebebasan Bersuara dan Tanggungjawab Mempertahankan Keharmonian serta Mengurus Kepelbagaian Kaum dan Agama dalam Majlis Belia Malaysia.

Kini sudah tiba masanya untuk kita melangkah lebih progresif sebagai semangat pengukuhan sesama masyarakat sempena menyambut dan menghayati bulan Kemerdekaan ke-62 yang bakal tiba tidak lama lagi

SENATOR ISMAIL YUSOP

Ahli Lembaga Pengarah IDE

| WAKTU SOLAT SELANGOR | | | | | | | |
|----------------------------------------------------------------------------|-------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| 15 - 21 JULAI 2019 14 - 20 ZULHIJAH 1440 | | | | | | | |
| Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam | | | | | | | |
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 15 Khamis | 5:43 | 5:53 | 7:10 | 1:21 | 4:37 | 7:27 | 8:38 |
| 16 Jumaat | 5:43 | 5:53 | 7:10 | 1:20 | 4:37 | 7:26 | 8:38 |
| 17 Sabtu | 5:43 | 5:53 | 7:10 | 1:20 | 4:36 | 7:26 | 8:37 |
| 18 Ahad | 5:43 | 5:53 | 7:10 | 1:20 | 4:35 | 7:26 | 8:37 |
| 19 Isnin | 5:43 | 5:53 | 7:09 | 1:20 | 4:35 | 7:26 | 8:36 |
| 20 Selasa | 5:43 | 5:53 | 7:09 | 1:20 | 4:34 | 7:25 | 8:36 |
| 21 Rabu | 5:43 | 5:53 | 7:09 | 1:19 | 4:33 | 7:25 | 8:35 |
| Sabak Bernam dan Kuala Selangor | | | | | | | |
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 15 Khamis | 5:45 | 5:55 | 7:11 | 1:23 | 4:40 | 7:30 | 8:41 |
| 16 Jumaat | 5:45 | 5:55 | 7:11 | 1:23 | 4:39 | 7:29 | 8:41 |
| 17 Sabtu | 5:45 | 5:55 | 7:11 | 1:23 | 4:39 | 7:29 | 8:40 |
| 18 Ahad | 5:45 | 5:55 | 7:11 | 1:23 | 4:38 | 7:29 | 8:40 |
| 19 Isnin | 5:45 | 5:55 | 7:11 | 1:22 | 4:37 | 7:28 | 8:39 |
| 20 Selasa | 5:45 | 5:55 | 7:11 | 1:22 | 4:37 | 7:28 | 8:39 |
| 21 Rabu | 5:45 | 5:55 | 7:11 | 1:22 | 4:36 | 7:28 | 8:38 |
| Klang dan Kuala Langat | | | | | | | |
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 15 Khamis | 5:44 | 5:54 | 7:11 | 1:21 | 4:38 | 7:27 | 8:38 |
| 16 Jumaat | 5:44 | 5:54 | 7:11 | 1:21 | 4:38 | 7:26 | 8:38 |
| 17 Sabtu | 5:44 | 5:54 | 7:11 | 1:21 | 4:37 | 7:26 | 8:37 |
| 18 Ahad | 5:44 | 5:54 | 7:11 | 1:21 | 4:36 | 7:26 | 8:37 |
| 19 Isnin | 5:44 | 5:54 | 7:11 | 1:20 | 4:36 | 7:26 | 8:36 |
| 20 Selasa | 5:44 | 5:54 | 7:10 | 1:20 | 4:35 | 7:25 | 8:36 |
| 21 Rabu | 5:44 | 5:54 | 7:10 | 1:20 | 4:34 | 7:25 | 8:35 |

Jom sertai tilawah al-Quran, azan

KUALA LUMPUR - Kedutaan Besar Arab Saudi di Malaysia mempelawa peserta dari negara ini untuk menyertai Tilawah Al-Quran dan Azan yang akan diadakan secara dalam talian (online).

Kedutaan itu, dalam kenyataan kepada Perkhidmatan Berita Antarabangsa BERNAMA, menyebut mereka yang berminat boleh mendaftar di <http://quranathanawards.com>. sehingga 18 Ogos ini.

Menurut kenyataan itu, setakat ini lebih 21,000 peserta dari 162 negara sudah memohon untuk menyertai dua pertandingan berprestij terbabit yang menawarkan hadiah bernilai AS\$1.9 juta kepada pemenang.

Dilancarkan awal tahun ini, pertandingan itu bertujuan menonjolkan kepelbagaian budaya dan meningkatkan imej Islam di peringkat antarabangsa.



Pertandingan itu akan dibahagikan kepada beberapa fasa iaitu penerimaan video yang dihantar oleh peserta ke laman sesawang anugerah bermula 22 Mei hingga 18 Ogos dan peserta terpilih akan disenarai pendek mulai 19 Ogos hingga 19 September ini.

Fasa ketiga memabitkan persembahan secara langsung

menerusi penstriman dari 20 September hingga 20 Oktober manakala senarai pemenang akan diumumkan mulai 21 Oktober hingga 21 November ini.

Pemenang tilawah al-Quran akan menerima hadiah wang tunai SR5 juta (AS\$3 juta) manakala pemenang azan bakal membawa pulang SR2 juta (kira-kira AS\$533,000).- BERNAMA



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(1082296-U)

KENYATAAN TENDER

| Bil. | NO. TENDER | KETERANGAN |
|------|--------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | AIS/FSBP/T4/8/2019 | PROVISION OF INSURANCE CONSULTANCY SERVICES FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD. GROUP OF COMPANIES |

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tendairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.syabas.com.my/business/supplier> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah percuma.



Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS)

Permohonan dalam talian kini dibuka

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Permohonan Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) secara dalam talian dibuka, sejak 7 Ogos lalu.

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) menerusi memaklumkan, bantuan itu terbuka kepada pemohon yang mempunyai tanggungan anak Orang Kelainan Upaya (OKU).

Katanya, bantuan itu bertujuan membantu meringankan beban ibu bapa atau penjaga kepada anak OKU ketika meng-

alami kecemasan.

"Had permohonan bantuan AnIS bagi setiap pemohon adalah berjumlah RM5,000 setahun.

"Ia juga bertujuan meringankan beban ibu bapa atau penjaga bagi menanggung kos saringan kesihatan anak mereka ketika mendapatkan rawatan hospital, kos pendidikan dan pembelian peralatan khas bagi tujuan pemulihan," katanya dalam kenyataan.

Pada masa sama, kenyataan itu turut memaklumkan, syarat permohonan adalah

warganegara Malaysia, ibu bapa atau penjaga mempunyai anak OKU bawah usia 18 tahun yang lahir di Selangor atau sedang menetap di negeri itu.

Selain itu, katanya, syarat lain adalah ibu bapa atau penjaga kepada anak pemegang Kad OKU yang sah dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Pendaftaran menggunakan borang secara manual masih dibenarkan dan borang masih boleh didapati di Pusat Khidmat Masyarakat berdekatan kawasan masing-masing," katanya.

PENGUMUMAN

Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS)

Adalah dimaklumkan permohonan SKIM BANTUAN KHAS ANAK ISTIMEWA SELANGOR (AnIS) boleh dibuat secara online mulai 7.08.2019

Bagaimanapun pendaftaran menggunakan borang secara manual masih dibenarkan. Borang boleh didapati di Pusat Khidmat Masyarakat yang berdekatan dengan tempat tuan/puan menetap

Mesin sulam bantu tingkat pendapatan

DENGKIL - Seorang suri rumah tangga yang berpengalaman hampir 35 tahun menjahit baju terharu apabila menerima bantuan mesin jahit sulam bernilai RM5,000 daripada Kerajaan Negeri.

Nor Azni Abdul Rahman, 53, mengakui tidak menaruh harapan tinggi untuk memiliki mesin itu ekoran harganya yang mahal.

"Tapi siapa sangka rupanya ia menjadi rezeki saya juga. Terima kasih Kerajaan Selangor kerana prihatin.

"Sebelum ini, saya terpaksa menghantar pakaian yang ingin disulam kepada orang lain jika pelanggan inginkannya, tapi sekarang tidak lagi kerana boleh melakukannya sendiri, di rumah.

"Dengan adanya mesin ini, saya boleh meningkatkan lagi pendapatan pada masa hadapan," katanya ketika ditemui SelangorKini.



Nor Azni menerima bantuan mesin sulam daripada Kerajaan Negeri menerusi Program Blueprint Pembasmi Kemiskinan Negeri Selangor yang disampaikan oleh V Ganabatirau di Dewan Orang Ramai Pekan Dengkil Sepang, pada 13 Ogos lalu

YAYASAN SELANGOR

KENYATAAN TAWARAN TENDER (Bumiputera Sahaja)

Tawaran kerja adalah seperti berikut :-

- TENDER MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK DI ASRAMA YAYASAN SELANGOR KLANG.
- TENDER MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK DI ASRAMA YAYASAN SELANGOR SABAK BERNAM.

Tarikh Pelawaan : 14 OGOS 2019 (RABU)

| Kod Tender | Kod Bidang (KKM) | Tarikh Taklimat / Masa | Tarikh Jualan Dokumen | Tarikh Tutup | Tempat Lawatan Tapak / Operasi | Harga Dokumen |
|-----------------|---------------------------------------------------------------|----------------------------------|----------------------------------------------|------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|---------------|
| YS/P/ T02 /2019 | Kementerian Kewangan Malaysia (K KM) 040101 / 040102 / 040103 | 23 OGOS 2019 (JUMAAT) 10.00 pagi | 26 OGOS 2019 (ISNIN) 9.00 pagi - 4.00 petang | 25 SEPTEMBER 2019 (RABU) 12.00 tengahari | Asrama Yayasan Selangor Klang Jalan Raya Barat, 41000 Klang, Selangor | RM300.00 |
| YS/P/ T03 /2019 | Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) 040101 / 040102 / 040103 | 26 OGOS 2019 (ISNIN) 10.00 pagi | 26 OGOS 2019 (ISNIN) 9.00 pagi - 4.00 petang | 25 SEPTEMBER 2019 (RABU) 12.00 tengahari | Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam 45200 Sabak Bernam, Selangor | RM300.00 |

- Kontraktor wajib membawa satu siji asal dan salinan siji pendaftaran Kementerian Kewangan (KKM) semasa menghadiri taklimat dan pembelian dokumen tender (Tidak dikembalikan)
- "Surat wakil kuasa" adalah wajib bagi yang mewakili syarikat.
- Lawatan dan taklimat adalah WAJIB untuk membolehkan kontraktor menyertai Tender ini.
- Tender akan ditutup pada 25 SEPTEMBER 2019 (RABU) jam 12.00 tengahari
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis nombor tender pada sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender beralamat di bawah.

Maklumat lanjut dan dokumen tawaran tender boleh didapati :-

BAHAGIAN PEROLEHAN
Tingkat 14, Menara Yayasan Selangor
No.18A, Persiaran Barat, 46000, Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-7669 1226/192/225 Fax : 03-7669 1236

Sementara itu bagi peniaga makanan, Zaidi Jalil, 50, dari Salak Tinggi pula gembira apabila menerima dapur memasak bernilai RM3,000 daripada Kerajaan Negeri.

"Dengan adanya dapur masak sebegini, saya berharap perniagaan lebih lancar serta teratur, sekali gus mampu menarik lebih ramai pelanggan datang.

"Ini juga mungkin hadiah sempena Hari Aidiladha yang baru sahaja berlalu," katanya.

Kedua-dua mereka antara 73 penduduk Sepang yang menerima bantuan menerusi Program Blueprint Pembasmi Kemiskinan Daerah Sepang 2019 bertempat di Dewan Orang Ramai Dengkil, pada 13 Ogos lalu.

Program Blueprint Pembasmi Kemiskinan adalah salah satu program yang dirangka dengan tujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi kumpulan sasar menerusi projek ekonomi yang berdaya maju dan berpotensi untuk berkembang.

Secara langsung ia bertujuan meningkatkan pendapatan kumpulan sasar iaitu golongan miskin dan berpendapatan rendah.


Sehingga kini, Kerajaan Selangor meluluskan 290 permohonan untuk sembilan daerah dengan jumlah peruntukan RM1.1 juta bagi bantuan peralatan mesin menerusi Program Bantuan Blueprint Pembasmi Kemiskinan.

LZS tutup sementara cawangan Masjid Negeri

SHAH ALAM - Cawangan Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ditutup sementara, sejak 8 Ogos lalu.

LZS menerusi kenyataan memaklumkan, penutupan itu disebabkan kerja pengubahsuaian serta dijangka beroperasi seperti biasa, pada 1 November ini.

"Bagaimanapun orang ramai boleh membuat sebarang urusan melalui Zakat



on Wheels yang disediakan di tapak letak kereta, bermula 8 Ogos hingga 31 Oktober ini.

"Pada masa sama, terdapat tiga lokasi pusat LZS yang berdekatan iaitu cawangan Bangunan Sultan Idris Shah, Ibu Pejabat LZS di Seksyen 13 dan cawangan

UTC Selangor," kata kenyataan itu. Sebarang pertanyaan orang ramai boleh terus menghubungi LZS di talian 1-300-88-4343.

Piala YAB Amirudin Shari

PeBT MPS Zon 2 juara edisi kedua

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

GOMBAK - Akademi Bola Sepak Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Zon 2 muncul juara Piala Yang Amat Berhormat Amirudin Shari edisi kedua bawah 12 tahun yang berlangsung di Kampung Melayu Wira Damai, Sungai Tua, di sini, baru-baru ini.

Dalam perlawanan akhir penuh dramatik, pasukan PeBT MPS Zon 2 berjaya mengalahkan Tasek Dragon (FC) dengan penentuan sepakan penalti 3-2.

Pengerusinya, Sufian Amri, berkata pemain dapat mengawal permainan dengan baik dan beraksi cemerlang walaupun dalam keadaan cuaca yang berubah-ubah.

"Pada perlawanan suku akhir, pasukan kami perlu bergelut di padang lecek sehingga terpaksa ditentukan dengan sepakan penalti tetapi penjaga gol dapat menyelamatkan tendangan penalti terakhir.

"Pasukan kami berjaya ke pusingan separuh akhir dan menjaringkan dua gol seterusnya mengesahkan tempat ke perla-

wanan akhir," katanya dalam kenyataan kepada SelangorKini.

Beliau turut melahirkan rasa teruja dan terharu dengan kesungguhan ditampilkan pemain sepanjang mengharungi perlawanan sehingga mampu mencipta kejayaan itu.

"Tahniah buat orang penting akademi ini iaitu jurulatih, Mohd Anas Abdul Rahman dan Suraya Hani Abdullah serta ibu bapa kerana memberi semangat, selain bertungkus lumus mempersiapkan pasukan bawah 12 tahun dalam prestasi terbaik untuk kejohanan edisi kali ini.

"Tahniah juga buat pihak penganjur PeBT MPS Zon 6 kerana penganjuran hebat kali ini dan semoga diteruskan untuk ke edisi seterusnya," katanya.

Lebih membanggakan, penjaga gol akademi berkenaan, Muhammad Adinie Hani Mohd Amizi, turut dinobatkan sebagai penjaga gol terbaik.

Kejuaraan itu melayakkan PeBT MPS Zon 2 membawa pulang wang tunai RM1,500 sebagai johan, manakala penjaga gol terbaik diberi saguhati RM100.



Amirudin Shari, (dua, kanan) bersama Khairuddin (dua, kiri) dan Adi Faizal (kanan) bergambar bersama juara keseluruhan SUKSES 2019

Petaling juara SUKSES 13 kali

BANGI - Daerah Petaling meneruskan dominasinya dalam Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) 13 kali berturut-turut apabila diumumkan juara bagi edisi ke-13.

Pada kejohanan dwi tahunan itu, Petaling berjaya meraih 61 pingat keseluruhan dengan 21 emas, 15 perak dan 25 gangsa.

Kejuaraan itu membolehkan kontinjen Petaling membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM10,000 dan piala pusingan.

Hadiah disampaikan oleh Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, kepada Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Johary Anuar, yang juga Ketua Kontinjen Daerah Petaling pada Majlis Penutup SUKSES Ke-13, di RHR Hotel Uniten Bangi, di sini, pada 10 Ogos lalu.

Turut hadir EXCO Pembangunan Gene-

rasi Muda dan Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Mohd Khairuddin Othman.

Manakala tuan rumah, Sepang terpaksa berpuas hati sebagai naib juara selepas meraih 40 pingat dengan 17 emas, 11 perak dan 12 gangsa diikuti tempat ketiga, Klang dengan 12 emas, 15 perak dan 23 gangsa.

Ayzeq Hakimi Safingan yang mewakili pasukan petanque Sepang dinobatkan sebagai olahragawan kejohanan selepas mengondol tiga pingat emas dan satu perak.

Seorang lagi pemain petanque (wanita) juga dari Sepang, Adlin Sofia Sazali, dinobatkan sebagai olahragawati kejohanan dengan membawa pulang tiga pingat emas dan satu perak. Ayzeq Hakimi dan Adlin Sofia masing-masing membawa hadiah wang tunai RM1,000 dan pingat.



Pasukan Akademi Bola Sepak Penggerak Belia Tempatan Majlis Perbandaran Selayang Zon 2 meraikan kejayaan muncul juara Piala YAB Amirudin Shari



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor Negeri Selangor yang berdaftar dengan **CIDB dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja – kerja berikut :

| BIL. | NO. TENDER | TAJUK KERJA | BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG | HARGA DOKUMEN |
|------|----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|---------------|
| 1. | MPSepang (KEJ)400-10/12/19 | CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA LALUAN PEJALAN KAKI DI JALAN PUTRA PERDANA 2A DAN JALAN PUTRA PERDANA 3B TAMAN PUTRA PERDANA PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2019. | CIDB, SPKK, G3 CE21, &(UPEN) | RM 150.00 |
| 2. | MPSepang (KEJ)400-10/12/20 | CADANGAN KERJA-KERJA KEPERLUAN TAMBAHAN PEMBINAAN DI TAPAK PERKUBURAN ISLAM CYBER 10 SELUAS 4.673 EKAR UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2019. | CIDB, SPKK, G3 CE21, &(UPEN) | RM 150.00 |
| 3. | MPSepang (KEJ)400-10/12/21 | CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF SAMBUNGAN PEJALAN KAKI DI PEKAN DENGKIL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2019. | CIDB, SPKK, G3 CE21, &(UPEN) | RM 150.00 |
| 4. | MPSepang (KEJ)400-10/12/22 | CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA LALUAN PEJALAN KAKI DI JALAN DAHLIA PERWIRA, HADAPAN APARTMENT TAMAN DAHLIA, TAMAN DAHLIA, BANDAR BARU SALAK TINGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2019. | CIDB, SPKK, G3 CE21, &(UPEN) | RM 150.00 |
| 5. | MPSepang (KEJ)400-10/12/23 | CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA LALUAN PEJALAN KAKI DI JALAN DAHLIA PERWIRA, HADAPAN SMK BBST, TAMAN DAHLIA, BANDAR BARU SALAK TINGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2019. | CIDB, SPKK, G3 CE21, &(UPEN) | RM 150.00 |
| 6. | MPSepang (KEJ)400-10/12/24 | CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA LALUAN PEJALAN KAKI DI JALAN PERSIARAN PUTRA PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2019. | CIDB, SPKK, G4CE21, &(UPEN) | RM 150.00 |
| 7. | MPSepang (KEJ)400-10/12/25 | CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA LALUAN PEJALAN KAKI SERTA KERJA BERKAITAN DI BUKIT PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2019. | CIDB, SPKK, G4 CE21, &(UPEN) | RM 150.00 |

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja – kerja berikut :

| BIL. | NO. TENDER | TAJUK KERJA | BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG | HARGA DOKUMEN |
|------|-----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|---------------|
| 8. | MPSepang (KEJ) 400-10/12/26 | CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN KABEL BAWAH TANAH LAMPU AWAM SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI KOSMOPLEKS, BANDAR BARU SALAK TINGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2019. | CIDB, SPKK, G4 ME, E 04, E 06, E 11, E 16 DAN E17 &(UPEN) | RM 150.00 |

2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **22 hb Ogos 2019** hingga **11 hb September 2019** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor- kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (**UPEN**) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Kontraktor-kontraktor adalah diwajibkan untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya (**Hanya penama di dalam lesen dengan membawa sijil asal**). Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri ditempat, tarikh dan masa seperti tersebut :-

Tarikh : 21 hb Ogos 2019 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi.
Tempat Berkumpul : Bilik Melati, Aras 1, Majlis Perbandaran Sepang

4. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menuliskan **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **11 hb September 2019**.

5. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa - apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



Penganjuran temasya SUKMA 2022

Selangor sedia jadi tuan rumah

OLEH NAZLI IBRAHIM

BANGI - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi Kerajaan Negeri sedia digerakkan bagi melancarkan penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 jika Selangor diberi tanggungjawab sebagai tuan rumah temasya dwi tahunan itu.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, pada masa ini Kerajaan Negeri sedang giat

berusaha untuk mendapatkan hak penganjuran itu.

"Kita memang sedang melobi di peringkat tertinggi untuk menjadi tuan rumah SUKMA yang kali terakhir kita menjadi tuan rumah tahun 1998. Insya Allah selepas lebih 20 tahun kita dapat sekali lagi jadi tuan rumah.

"Kita harap Selangor menjadi tuan rumah terbaik dan ini menjadi landasan kepada atlet

untuk menunjukkan prestasi terbaik mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penutup Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) Ke-13 di RHR Hotel Uniten Bangi, di sini, pada 10 Ogos lalu.

Katanya, selain menjadi medan terbaik untuk atlet, SUKMA juga memberi pengalaman berguna kepada PBT dan agensi Kerajaan Negeri menganjurkan

temasya sukan kebangsaan terbesar itu.

Amirudin turut meluahkan keyakinan bahawa Selangor mampu menjadi tuan rumah terbaik kejohanan itu nanti.

Terdahulu, EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Mohd Khairuddin Othman berkata, Selangor berpotensi besar untuk menjadi tuan rumah sepanjang penganjuran

SUKMA, sejak lebih 20 tahun lalu.

Katanya, ia kerana Selangor memiliki pelbagai kemudahan, di samping pegawai berpengalaman luas dalam penganjuran acara sukan besar.

"Saya yakin Dato' Menteri Besar akan melobi dan dibantu Menteri di Persekutuan, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali untuk kita menjadi tuan rumah nanti," katanya.

Pertama guna sains sukan



BANGI - Selangor adalah negeri pertama yang menggunakan pendekatan sains sukan sekitar tahun 2006 hingga 2007 dalam membangunkan atlet muda.

Bagaimanapun, Institut Sukan Negara (ISN) selepas itu mula mengorak langkah menggunakan kaedah sama sebelum berkembang ke negeri lain.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata Selangor kemudiannya pada tahun 2015 memperkenalkan pusat sukan di setiap daerah bagi mencungkil bakat baharu.

"Ketika itu kita mempunyai kelebihan tetapi keistimewaan tiada lagi selepas ISN turut menggunakan kaedah sama.

"Oleh kerana itu, pada tahun 2015 ketika saya menjadi EXCO Sukan, kita ketengahkan idea pembukaan pusat latihan sukan daerah ketika negeri lain pembangunan bakat masih tertumpu, di pusat sukan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penutup Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) Ke-13 di RHR Hotel Uniten Bangi, di sini, pada 10 Ogos lalu.

Katanya, kejayaan Majlis Sukan Negeri Selangor mewujudkan pusat latihan sukan di semua sembilan daerah sudah membuka peluang atlet untuk mengembangkan bakat sambil dibimbing jurulatih berpengalaman dan berpengalaman.

Amirudin berharap, lebih banyak pembabitian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membantu menggilap bakat baharu, di peringkat akar umbi.

"Mengekalkan kecemerlangan sukan bukan mudah kerana bukan sahaja membabitkan atlet tetapi semua pihak seperti sekolah, kerajaan dan seluruh lapisan masyarakat," katanya.



MBPJ anjur Kejohanan Tenis Remaja Terbuka edisi ke-30

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menganjurkan Kejohanan Tenis Remaja Terbuka MBPJ-MILO, pada 14 hingga 18 Ogos ini.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi Bakar, berkata kejohanan yang memasuki edisi ke-30 itu akan diadakan di empat lokasi berbeza iaitu di Kompleks Sukan MBPJ (Kelana Jaya), Gelanggang Tenis SS 3/14 (Taman Sentosa, Kelana Jaya), Kompleks Sukan PKNS (Kelana Jaya), dan Kompleks Sukan Astaka Petaling Jaya.

"Kejohanan tenis ini terbahagi kepada empat acara membabitkan perseorangan lelaki perseorangan perempuan bagi kategori usia bawah 8,10,12,14 dan 16 tahun.

"Manakala, bagi acara regu lelaki dan regu perempuan kategori usia dipertandingkan adalah bawah 10, 12, 14, dan 16 tahun.

"Malah, kita jangkakan seramai 220 peserta yang akan menyertai kejohanan ini nanti," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Mohd Sayuthi berkata, kejohanan itu menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM7,620, medal dan barangan tajaan daripada Nestle Products Sdn Bhd (MILO) selaku penaja utama.

Katanya, penaja lain pula terdiri daripada F&N Beverages Marketing Sdn Bhd (100 PLUS) dan Dunlop Srixon Sports Asia Sdn Bhd (DUNLOP).

"Kerjasama ini berjaya mencungkil ramai bakat baharu khususnya daripada peringkat akar umbi dalam program pembangunan sukan tenis remaja MBPJ yang dilaksanakan, sejak tahun 1990.

"Peruntukan keseluruhan sebanyak RM12,620 ini turut mendapat sokongan daripada Majlis Sukan Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor," katanya.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Kejohanan Tenis Remaja Terbuka MBPJ-MILO 2019 anda boleh kunjungi laman sesawang selangortennis.org atau Facebook Selangor Tennis Associations dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.